

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT KAD KREDIT CIMB ISLAMIC BANK BERHAD

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad bersama dengan lampiran berikut yang dinyatakan di dalam dokumen ini:-

- a. Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Islamic *Auto Balance Conversion Programme*;
- b. Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Islamic Program Pelan Bayaran Flexi-i;
- c. Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB *0% Easy Pay*;
- d. Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB *CashLite-i*;
- e. Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB Program Penukaran Baki-i;
- f. Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kad Kredit CIMB *PETRONAS Platinum-i*;
- g. Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kad Kredit CIMB *PETRONAS Visa Platinum-i*;
- h. Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kad Kredit CIMB *PETRONAS Visa Infinite-i*;
- i. Terma-Terma dan Syarat-Syarat Manfaat WiFi Dalam Penerbangan Kad Kredit CIMB *Premier Visa*;
- j. Terma-Terma dan Syarat-Syarat Touch 'N Go Zing;
- k. Terma-Terma dan Syarat-Syarat *Air Flight Travel PA* Takaful Ikhlas General Berhad;
- l. Terma-Terma dan Syarat-Syarat CIMB *Preferred Visa Infinite-i*, CIMB *PETRONAS Visa Infinite-i* dan *Takaful Ikhlas General Berhad Group Personal Accident with Extension to Travel PA Takaful*
- m. Terma-Terma dan Syarat-Syarat Penghantaran Penyata Emel; dan
- n. Terma-Terma dan Syarat-Syarat Penyata yang Diakses melalui CIMB Clicks

adalah bertujuan untuk dibaca bersama dan pemakaian lampiran terhadap setiap Pemegang Kad akan bergantung kepada jenis kad yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad, jenis perkhidmatan yang digunakan oleh Pemegang Kad dan sama ada keadaan Pemegang Kad sendiri menjadikan Pemegang Kad tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat lampiran masing-masing. Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad dan lampiran-lampiran akan dirujuk secara kolektif sebagai "**Terma-Terma dan Syarat-Syarat Kad Kredit**".

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PEMEGANG KAD CIMB ISLAMIC

Versi: 4 November 2024

Terma-terma dan syarat-syarat ini mengawal penggunaan Kad MasterCard dan/atau Visa yang dikeluarkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad [200401032872 (671380-H)] ("**Bank**") kepada individu yang dinamakan pada Kad.

1. Definisi

- (a) "**notis terdahulu yang mencukupi**" ertinya tempoh notis empat belas (14) hari kalendar;
- (b) "**ATM**" ertinya sebuah mesin teler automatik;
- (c) "**laman web Bank**" ertinya alamat laman web rasmi Bank di www.cimb.com.my atau alamat laman web lain yang mana Bank boleh mengubah dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan kepada Pemegang Kad;
- (d) "**Kad**" ertinya mana-mana Kad MasterCard dan/atau Visa yang dikeluarkan oleh Bank bagi kategori atau jenama yang boleh diperkenalkan atau digantikan oleh Bank dari semasa ke semasa dan hendaklah termasuk Kad yang dikeluarkan secara gabungan atau sekutuan dengan mana-mana pihak ketiga dan termasuk mana-mana Kad Tambahan di mana konteks membenarkan;
- (e) "**Pemegang Kad**" ertinya individu yang dinamakan di atas Kad dan termasuk Pemegang Kad Tambahan yang dirujuk dalam terma-terma dan syarat-syarat ini;
- (f) "**Akaun Kad**" ertinya akaun kad Pemegang Kad yang dikekalkan di Bank menurut terma-terma dan syarat-syarat ini;
- (g) "**Nombor Akaun Kad**" ertinya nombor akaun yang diperuntukkan dan ditera di atas Kad.
- (h) "**Akaun Lain Pemegang Kad**" ertinya perbankan lain atau akaun lain Pemegang Kad dengan Bank selain daripada Akaun Kad dan termasuk akaun bersama Pemegang Kad dengan pihak ketiga;
- (i) "**Barangan dan perkhidmatan halal**" ertinya barangan dan perkhidmatan yang patuh Syariah.
- (j) "**MCI**" ertinya Mastercard Worldwide, sebuah syarikat yang diperbadankan di State of Delaware, Amerika Syarikat di mana Bank ialah anggota institusi;
- (k) "**peniaga**" termasuk semua peniaga yang membekalkan barangan dan/atau perkhidmatan Halal;
- (l) "**Peranti Mudah Alih**" ertinya peranti mudah alih Pemegang Kad, yang mengandungi SIM (modul pengenalan pelanggan) untuk nombor yang didaftarkan dengan Bank;
- (m) "**Baki Baru**" ertinya jumlah penuh yang ditunjukkan sebagai kena dibayar dalam Penyata;
- (n) "**One-Time Password**" ("**OTP**") atau "**Transaction Authorisation Code**" ("**TAC**") (mana-mana yang berkenaan) ertinya kod yang dihantar kepada Peranti Mudah Alih Pemegang Kad, yang perlu dimasukkan untuk mengesahkan identiti Pemegang Kad dan/atau memberi kuasa kepada transaksi tertentu oleh Pemegang Kad;
- (o) "**Peranti Utama**" ertinya peranti di mana Pemegang Kad telah mengaktifkan Aplikasi CIMB Clicks dan/atau Aplikasi CIMB Octo;
- (p) "**PIN**" ertinya nombor pengenalan peribadi Pemegang Kad atau Pemegang Kad Tambahan;
- (q) "**Fi Penggantian Kad**" ertinya fi yang boleh dibayar oleh Pemegang Kad untuk penggantian suatu Kad;
- (r) "**Penyata**" ertinya penyata Kad berkala yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Kad dan/atau Pemegang Kad Tambahan yang menunjukkan antara lain jumlah yang dikenakan, tarikh matang pembayaran dan kaedah pengiraan caj kewangan; dan

- (s) **“hari bekerja”** ertinya hari perniagaan (bukan Sabtu atau Ahad atau Cuti Umum) di mana bank-bank dilesen untuk menjalankan perniagaan perbankan di bawah peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (**“APKI”**) buka untuk perniagaan di Kuala Lumpur.
- (t) **“Visa”** ertinya Visa Worldwide Pte. Limited, sebuah syarikat yang diperbadankan di Singapura, di mana Bank ialah anggota institusi.

Tafsiran

- 2.1 Dalam terma-terma dan syarat-syarat ini, kata-kata tunggal yang digunakan hendaklah termasuk majmuk dan kata-kata jantina lelaki hendaklah termasuk persamaan jantina perempuan dan neuter, dan sebaliknya.
- 2.2 Bagi tujuan pengiraan sebarang tempoh masa atau jika sesuatu tindakan perlu dilakukan dalam tempoh masa tertentu dari suatu tarikh yang ditentukan, tempoh hendaklah bermula dari tarikh yang ditentukan.

Pengeluaran Kad dan Perkhidmatan Sedia Ada

- 3.1 Kad dikeluarkan berdasarkan prinsip Syariah Ujrah yang merujuk kepada pembayaran (**“fi perkhidmatan”**) sebagai balasan bagi perkhidmatan yang diberikan.
- 3.2 Kad boleh digunakan untuk:-
- (a) membayar pembelian barangan dan/atau perkhidmatan;
 - (b) mendapat pendahuluan tunai/pengeluaran tunai;
 - (c) mengakses dan mengendalikannya pelbagai akaun perbankan yang dibuka berhubung dengan Kad apabila dikenalpasti oleh PIN Pemegang Kad;
 - (d) menyelesaikan bil berkala melalui cara pembayaran automatik (**“Perkhidmatan Autobil”**) yang diluluskan oleh Bank; dan/atau
 - (e) untuk sebarang tujuan lain yang diberi kuasa oleh Bank

kesemuanya dalam had kredit yang dimaklumkan oleh Bank kepada Pemegang Kad dari semasa ke semasa (**“Perkhidmatan”**).

- 3.4 Bank boleh menukarkan Perkhidmatan dengan memberhentikan, menggantikan atau menyediakan perkhidmatan, manfaat dan keistimewaan lebih dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad.
- 3.5 Tempoh di mana Bank akan memberikan perkhidmatan adalah ditentukan oleh Bank. Bank boleh melanjutkan tempoh pada dasar tahunan atau bagi sebarang tempoh lain yang dianggap wajar oleh Bank. Jika Perkhidmatan tidak dilanjutkan oleh Bank, semua jumlah yang kena dibayar di bawah Perkhidmatan hendaklah menjadi perlu dibayar sepenuhnya pada tarikh luput dan/atau tarikh penamatan Kad.
- 3.6 Bank boleh secara berkala menyemak semula Perkhidmatan yang diberikan dan ia boleh membatalkan Perkhidmatan untuk kemudahan pada sebarang masa yang ia anggap wajar. Selanjutnya, semua jumlah yang kena dibayar kepada Bank di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini dan Kad hendaklah menjadi perlu dibayar atas permintaan.

Penggunaan Bersyarat dan Ketersediaan Kad

- 4.1 Ketersediaan dan penggunaan Kad adalah bersyarat bahawa tiada pelanggaran mana-mana undang-undang, garis panduan atau peraturan yang boleh dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia yang mempunyai bidang kuasa terhadap Bank (**“Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Terpakai”**). Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Terpakai termasuk APKI dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.
- 4.2 Pemegang Kad hendaklah dengan serta merta memaklumkan kepada Bank secara bertulis jika Pemegang Kad:-
- (a) menyedari sebarang pelanggaran Undang-Undang dan Peraturan-Peraturan Terpakai; atau
 - (b) memungkir atau gagal mematuhi sebarang terma-terma dan syarat-syarat ini.

PIN dan Penggunaan Kad ("PIN & PAY") di mana Berkenaan

5.1

- (a) PIN sementara akan diberi melalui Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) ke Peranti Mudah Alih apabila Pemegang Kad mengaktifkan Kad.
- Dalam tiga puluh (30) hari penerimaan PIN sementara, Pemegang Kad mesti menukar PIN sementara di ATM Bank, atau saluran dijamin lain seperti yang dimaklumkan oleh Bank.
 - Jika Pemegang Kad terlupa PIN, Bank akan atas permintaan mengeluarkan PIN sementara baru.
 - Jika Kad dilaporkan telah hilang atau dicuri oleh Pemegang Kad dan Kad baru telah dikeluarkan, PIN sementara bagi Kad baru juga akan dikeluarkan. PIN sedia ada tidak boleh digunakan untuk Kad baru.
- (b) Pemegang Kad mesti menyimpan PIN secara rahsia dan mesti tidak mendedahkannya kepada mana-mana orang lain. Dalam memilih PIN, Pemegang Kad **MESTI TIDAK** memilih PIN yang jelas atau mudah diramal, sebagai contoh PIN yang:-
- mewakili tarikh lahir, kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon Pemegang Kad;
 - adalah sebahagian nama Pemegang Kad yang dapat dikenali;
 - adalah nombor urutan (contohnya 12345); atau
 - semua adalah nombor yang sama (contohnya 111111).
- (c) Pemegang Kad mesti memastikan bahawa jumlah yang dikenakan adalah betul sebelum menandatangani sebarang slip transaksi dan sebelum memasukkan PIN beliau pada terminal. Dengan menandatangani slip atau memasukkan PIN atau menggunakan Kad Pemegang Kad pada mana-mana terminal, Pemegang Kad dianggap telah bersetuju dengan transaksi bahawa jumlah yang dikenakan adalah betul dan memberi kuasa kepada Bank untuk melakukan pembayaran.
- (d) Pemegang Kad bersetuju bahawa PIN adalah satu cara yang selamat untuk mengesahkan identiti Pemegang Kad bagi Bank untuk:-
- (i) transaksi dijalankan oleh Bank untuk Pemegang Kad; dan
 - (ii) Pemegang Kad untuk melanggan dan berdaftar kepada perkhidmatan perbankan dalam talian Bank yang mungkin membolehkan Pemegang Kad mengakses secara elektronik akaun bank lain, kemudahan perbankan dan perkhidmatan lain Pemegang Kad

dan Bank dibenarkan oleh Pemegang Kad untuk bertindak ke atas semua arahan Pemegang Kad apabila dikenalpasti dengan PIN Pemegang Kad dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk bertindak atas arahan tersebut dengan niat baik. Pemegang Kad akan terikat pada arahan tersebut dan tidak akan dibenarkan untuk membatalkan mereka walaupun terdapat kesilapan, penipuan, pemalsuan, kurang kejelasan atau salah faham berkenaan dengan arahan tersebut melainkan disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank. Walaupun Bank berhak untuk bergantung pada PIN sebagai bukti konklusif identiti Pemegang Kad, Bank masih boleh meminta bentuk pengenalan lain jika ia mempunyai keraguan terhadap identiti Pemegang Kad.

One-Time Password ("OTP") / Transaction Authorisation Code ("TAC")

5A

- (a) Bank boleh menghantar OTP/TAC ke Peranti Mudah Alih Pemegang Kad. OTP/TAC akan menjadi satu cara mengesahkan identiti Pemegang Kad kepada Bank untuk memberi kuasa Pemegang Kad mendapatkan perkhidmatan daripada Bank atau memberi kuasa kepada sebarang transaksi tertentu lain.
- (b) Pemegang Kad memberi kuasa kepada Bank untuk bertindak atas arahan Pemegang Kad apabila identiti Pemegang Kad disahkan melalui penggunaan OTP/TAC dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk bertindak atas arahan sedemikian dengan niat baik. Pemegang Kad akan terikat pada arahan tersebut dan tidak akan dibenarkan untuk menarik balik mereka walaupun terdapat kesilapan, penipuan, pemalsuan, kurang kejelasan atau salah faham berkenaan dengan arahan tersebut melainkan disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank. Bank berhak bergantung kepada OTP/TAC sebagai bukti konklusif identiti Pemegang Kad.

Terma-Terma dan Syarat-Syarat Tambahan Kad

- 6.1 Terma-terma dan syarat-syarat tambahan yang dinyatakan dalam Jadual Satu hendaklah juga terpakai bagi penggunaan Kad dan Perkhidmatan.

Penerimaan Kad

- 7.1 Sebagai balasan bagi Bank mengeluarkan Kad kepada Pemegang Kad dan sebarang Kad Tambahan kepada Pemegang Kad Tambahan, Pemegang Kad dan Pemegang Kad Tambahan dengan ini bersetuju untuk mematuhi terma-terma dan syarat-syarat ini.
- 7.2 Kad hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad yang dikeluarkan dengan Kad dan bukan sebarang orang lain. Pemegang Kad tidak boleh membenarkan sebarang pihak ketiga untuk mengawal atau memiliki Kad.

Kad Tambahan

- 8.1 Kad Tambahan boleh dikeluarkan kepada orang yang dinamakan oleh Pemegang Kad jika diluluskan oleh Bank. Jika Kad utama ditamatkan atau dibatalkan, semua Kad Tambahan juga akan ditamatkan dan dibatalkan. Penamatan atau pembatalan mana-mana Kad Tambahan bagaimanapun tidak secara automatik akan menyebabkan penamatan atau pembatalan Kad utama.
- 8.2 Selain daripada bertanggungjawab terhadap jumlah yang ditanggung di bawah Kad sendiri Pemegang Kad, Pemegang Kad utama juga bertanggungjawab kepada Bank untuk jumlah yang ditanggung di bawah semua Kad Tambahan yang dikeluarkan. Ia berlaku walaupun Kad Tambahan boleh menanggung nombor Akaun Kad lain atau Penyata berasingan boleh dikeluarkan kepada Pemegang Kad Tambahan.
- 8.3 Penggunaan Kad Tambahan juga tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini dan semua terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai kepada "Pemegang Kad" dan "Kad" hendaklah sama rata terpakai kepada "Pemegang Kad Tambahan" dan "Kad Tambahan" melainkan konteks memerlukan sebaliknya.

Pembayaran oleh Bank kepada Peniaga

- 9.1 Bank boleh dengan serta-merta membayar sebarang jumlah yang dituntut pada bila-bila masa bagi Perkhidmatan yang disediakan tanpa mendapatkan sebarang pemberikuasaan lanjut daripada Pemegang Kad. Bank tidak perlu menyiasat atau bertanya sama ada tuntutan tersebut telah dibuat dengan wajar. Liabiliti Pemegang Kad tidak akan diprejudiskan oleh fakta bahawa Bank telah atau mungkin mempunyai justifikasi untuk enggan membayar sebarang jumlah yang dituntut di bawah Perkhidmatan dan ia tidak boleh menjadi pembelaan ke atas sebarang tuntutan yang dibuat oleh Bank terhadap Pemegang Kad di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini dan sebarang obligasi Pemegang Kad tidak akan diprejudiskan oleh fakta bahawa Bank telah atau mungkin mempunyai justifikasi untuk enggan membayar, secara sepenuhnya atau sebahagiannya, jumlah yang dituntut di bawah Perkhidmatan.

Kad dengan Ciri Membolehkan Transaksi Tanpa Sentuhan

- 10.1 Pemegang Kad mengakui bahawa Kad mempunyai ciri yang membolehkan transaksi sehingga had yang dimaklumkan oleh Bank, yang dijalankan dengan melayangkan Kad pada terminal tanpa sentuhan ("**Transaksi Tanpa Sentuhan**") tanpa memerlukan tandatangan atau nombor PIN Pemegang Kad untuk memberi kuasa kepada transaksi. Pemegang Kad bersetuju bahawa semua Transaksi Tanpa Sentuhan yang berlaku menggunakan Kad hendaklah dianggap sebagai diberi kuasa dengan sewajarnya melainkan Pemegang Kad boleh menunjukkan bukti konklusif sebaliknya. Dalam hal ini, Pemegang Kad memahami kemudahan Transaksi Tanpa Sentuhan tanpa diberi kuasa boleh dilaksanakan dan menerima risiko sedemikian. Pemegang Kad boleh melumpuhkan ciri ini dan/atau menukarkan had harian Transaksi Tanpa Sentuhan dengan memaklumkan kepada Bank.

Perlindungan Takaful

- 11.1 Bank boleh, menurut budi bicara tunggal dan mutlak, memberikan kepada Pemegang Kad perlindungan perjalanan Takaful untuk manfaat Pemegang Kad dan jika diberikan, perlindungan akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan dalam Jadual Satu di sini.

- 12.1 Dengan menggunakan Perkhidmatan Autobil, Pemegang Kad memberi kuasa kepada Bank untuk membayar bil-bil tertentu yang ditentukan oleh Pemegang Kad walaupun Kad belum diaktifkan. Pemegang Kad mesti membatalkan sebarang arahan terdahulu yang diberikannya kepada (i) bank atau penerima lain untuk membayar peniaga yang sama dan/atau (ii) peniaga untuk membilkan bank atau penerima lain supaya caj berganda tidak berlaku.
- 12.2 Dalam membekalkan Perkhidmatan Autobil, Bank tidak bertanggungjawab atas sebarang kerugian yang dialami oleh Pemegang Kad untuk kelewatan atau kegagalan dalam membayar bil melainkan Pemegang Kad menunjukkan bahawa ianya disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.
- 12.3 Bank tidak perlu membayar sebarang bil jika Pemegang Kad tidak mempunyai had kredit atau tidak mempunyai had kredit yang mencukupi, atau ia secara munasabah tentukan bahawa ketidak-bayaran adalah wajar.
- 12.4 Pemegang Kad juga bertanggungjawab atas pembayaran yang dilakukan oleh Bank kepada peniaga walaupun selepas Pemegang Kad membatalkan atau menamatkan Perkhidmatan Autobil, melainkan Pemegang Kad menunjukkan bahawa Bank telah secara kecuaiian yang melampau atau telah dengan sengaja dan dalam niat jahat tidak mematuhi permintaan Pemegang Kad.
- 12.5 Bank tidak perlu memaklumi Pemegang Kad sebarang ketidak-bayaran oleh Bank. Pemegang Kad bertanggungjawab untuk menyemak dan memantau pembayaran / ketidak-bayaran tersebut dan bertanggungjawab secara tunggal untuk menyelesaikan bayaran tertunggak dengan peniaga secara langsung.
- 12.6 Jika nombor Kad Pemegang Kad berubah, Pemegang Kad mesti memaklumkan kepada peniaga membil tentang perubahan nombor Kad. Walau bagaimanapun, Pemegang Kad membenarkan Bank untuk meneruskan (tetapi Bank tidak wajib untuk berbuat demikian) untuk membayar peniaga membil yang sama daripada Pemegang Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada Kad penggantian, diperbaharui dan/atau dinaik taraf/turun taraf yang mungkin atau mungkin belum diaktifkan.
- 12.7 Jika Pemegang Kad mempunyai lebih daripada satu peniaga untuk dibayar tetapi tidak mempunyai had kredit yang mencukupi untuk membayar kesemua mereka, Bank boleh:-
- (i) memilih untuk tidak membayar sebarang pembayaran kepada mana-mana peniaga di mana Pemegang Kad dikehendaki menyelesaikan semua bayaran tertunggak dengan peniaga secara langsung; atau
 - (ii) memutuskan (dalam budi bicara tunggalnya) siapa yang akan dibayar terdahulu dan Pemegang Kad adalah bertanggungjawab secara tunggal untuk menyelesaikan jumlah yang tidak dibayar dengan peniaga lain secara langsung.
- 12.8 Perkhidmatan Autobil akan dibatalkan:-
- (i) jika peniaga berkenaan Pemegang Kad memberikan Bank notis penamatan bertulis sekurang-kurangnya satu (1) bulan di mana Perkhidmatan Autobil akan ditamatkan apabila penamatan tempoh notis; atau
 - (ii) dengan segeranya, jika Kad dibatalkan oleh Bank dan/atau disebabkan oleh kehilangan atau kecurian Kad
- (secara kolektif dirujukan sebagai '**Peristiwa**'). Pemegang Kad bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada peniaga berkenaan secara bertulis untuk menamatkan Perkhidmatan Autobil dan meminta agar peniaga tersebut untuk hentikan pengbilan ke Bank. Sehingga masa sedemikian peniaga memaklumkan kepada Bank bahawa Perkhidmatan Autobil telah ditamatkan, Bank akan terus membayar peniaga tersebut dan Pemegang Kad akan terus bertanggungjawab terhadap pembayaran tersebut yang dilakukan oleh Bank kepada peniaga berkenaan dengan semua transaksi sebelum Peristiwa.
- 12.9 Bank juga boleh menggantung dan/atau membatalkan Perkhidmatan Autobil pada bila-bila masa dengan memberi Pemegang Kad notis terdahulu yang mencukupi. Sekali lagi, Pemegang Kad kekal bertanggungjawab secara tunggal untuk menyelesaikan kesemua bayaran tertunggak kepada peniaga secara langsung.

Transaksi ATM

- 13.1 PIN diperlukan untuk memperolehi pendahuluan tunai dan/atau pengeluaran tunai melalui ATM.

- 13.2 Jika transaksi ATM tidak boleh dijalankan atau tersilap dilaksanakan disebabkan oleh kecacatan, kerosakan, gangguan atau kehilangan bekalan kuasa ("**Kecacatan Teknikal**") atau sebaliknya, atau jika Kad tidak diterima untuk penggunaan atau di mana Kad ditahan oleh ATM disebabkan oleh Kecacatan Teknikal atau atas sebarang sebab lain, Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kerugian, kerosakan, kesulitan atau rasa malu yang dialami oleh Pemegang Kad melainkan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.
- 13.3 Masa operasi, jenis perkhidmatan yang disediakan serta cara penggunaan Kad di ATM akan ditentukan oleh Bank. Bank tidak menjamin bahawa ATM akan dapat melakukan transaksi yang diharapkan oleh Pemegang Kad.

Pendahuluan Tunai / Pengeluaran Tunai

- 14.1 Pemegang Kad boleh mendapatkan pendahuluan tunai dalam jumlah tidak melebihi 40% dari had kredit Kad tertakluk kepada had kredit sedia ada Kad atau jumlah pengeluaran tunai yang lain yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa. Jumlah pendahuluan tunai juga akan terhad kepada had pengeluaran harian ATM. Pemegang Kad boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank di 03-6204 7788 untuk memastikan jumlah pendahuluan tunai yang sedia ada. Pendahuluan tunai boleh didapati: -
- (a) dari mana-mana cawangan Bank atau mana-mana anggota institusi MCI dan/atau Visa dengan mengemukakan Kad bersamaan dengan bukti identiti Pemegang Kad yang boleh diterima dan menandatangani rekod transaksi yang diperlukan; dan
 - (b) dari mana-mana ATM Bank atau bank lain atau institusi yang mana Bank mempunyai peraturan dengan (pendahuluan adalah tertakluk kepada had pengeluaran harian ATM yang terpakai).

Bagi semua transaksi luar negara melalui ATM dan/atau mana-mana anggota institusi MCI dan/atau Visa, Pemegang Kad akan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa transaksi tersebut tidak akan melanggar mana-mana undang-undang di mana transaksi dijalankan.

- 14.2 Caj Kemudahan Tahunan tidak akan terpakai bagi pendahuluan tunai. Tetapi, pengiraan rebat atas caj kemudahan perlu dibayar tidak termasuk jumlah yang dikira pada kadar maksimum 1.5% sebulan, yang bersamaan dengan 18% setahun, bagi setiap pendahuluan tunai dari tarikh pendahuluan sehingga pembayaran penuh. Bank boleh mengikut budi bicara mutlaknya menaikkan kadar sekiranya diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Sebarang kenaikan akan diberitahu kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad bersetuju bahawa jumlah yang dibenarkan oleh Bank untuk pendahuluan tunai / pengeluaran tunai hendaklah setakat Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) setiap transaksi. Fi Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) akan dikenakan ke atas Pemegang Kad untuk setiap pendahuluan tunai / pengeluaran tunai. Fi pendahuluan tunai boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa selepas memberikan Pemegang Kad notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan berkuat kuasa. Had pendahuluan tunai / pengeluaran tunai harian tertakluk kepada had kredit Pemegang Kad untuk Kad.
- 14.3 Pemegang Kad juga boleh meminta Bank untuk memindah had kredit sedia ada daripada Akaun Kad Pemegang Kad kepada mana-mana Akaun Lain Pemegang Kad. Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan) bersetuju dengan permintaan Pemegang Kad tetapi jika Bank bersetuju, ia akan dianggap sebagai pendahuluan tunai kepada Pemegang Kad.
- 14.4 Pemegang Kad bersetuju untuk bertanggungjawab kepada semua pendahuluan tunai walaupun melebihi had kredit Pemegang Kad bagi Kad.

Caj Kemudahan Tahunan

- 15.1 Pemegang Kad bersetuju untuk membayar Bank Caj Kemudahan Tahunan ("**Caj Kemudahan Tahunan**") bagi tempoh Kad bagi jumlah yang dinyatakan dalam perenggan C Jadual Satu di sini.
- 15.2 Bank boleh menurut budi bicaranya memberikan rebat atau menepikan semua atau sebahagian daripada Caj Kemudahan Tahunan. Bank juga boleh memberikan rebat lanjut selaras dengan garis panduan Bank Negara Malaysia tentang penentuan harga berperingkat.
- 15.3 Caj Kemudahan Tahunan dicaj atas dasar tahunan dan dibilkan kepada Pemegang Kad atas dasar bulanan dalam Penyata.

Rebat (Ibra')

- 15A.1 Pembayaran penuh ke atas baki penyata sebelumnya: Bagi pembayaran penuh baki penyata yang dibuat pada atau sebelum tarikh tamat tempoh penangguhan 20 hari setiap bulan, Bank tidak akan mengenakan sebarang Caj Kemudahan Perlu dibayar ("Caj Kemudahan Perlu dibayar") untuk bulan tersebut (mengikut budi bicara mutlak Bank dan tertakluk kepada Dokumen Polisi Kad Kredit-i Bank Negara Malaysia, rebat penuh akan diberikan).
- 15A.2 Pembayaran separa atau minimum pada baki penyata sebelumnya: Bagi pembayaran separa atau minimum baki penyata, Bank boleh pada budi bicara mutlaknya dan tertakluk kepada Dokumen Polisi Kad Kredit-i Bank Negara Malaysia, memberikan rebat atau mengecualikan semua atau sebahagian Caj Kemudahan Tahunan. Rebate yang diberikan merupakan perbezaan antara Caj Kemudahan Tahunan dan Caj Kemudahan Perlu dibayar. Caj Kemudahan Perlu dibayar akan berubah setiap bulan tetapi jumlah keseluruhan Caj Kemudahan Perlu dibayar setiap tahun tidak akan melebihi Caj Kemudahan Tahunan.

Fi dan Caj Lain

- 16.1 Di samping Caj Kemudahan Tahunan, Pemegang Kad juga akan membayar kepada Bank:
- (a) fi tahunan terpakai untuk Kad dan untuk setiap Kad Tambahan dengan sebarang cukai perkhidmatan dan/atau sebarang cukai lain yang dikenakan;
 - (b) fi Penggantian Kad bagi pengeluaran Kad gantian (tidak terpakai disebabkan penggantian Kad yang tamat tempoh);
 - (c) fi untuk transaksi Kad melalui ATM termasuk tetapi tidak terhad kepada, pendahuluan tunai dan/atau pengeluaran tunai;
 - (d) caj untuk sebarang kenaikan had kredit sementara diluluskan yang diberikan oleh Bank atas permintaan Pemegang Kad;
 - (e) fi pernyataan kertas untuk pernyataan salinan keras (tidak terpakai kepada warga emas dan pelanggan yang berbeza upaya iaitu orang dengan ketidakupayaan fizikal, mental, intelektual dan deria); dan
 - (f) fi dan caj lain yang dikenakan (termasuk fi perkhidmatan berdasarkan prinsip Ujrah pada semua Perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan kepada Pemegang Kad dalam jumlah yang akan ditentukan oleh Bank) setelah Bank memberi Pemegang Kad notis pelaksanaan terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar.
 - (g) Caj Kemudahan Tahunan tidak akan dikenakan pada baki tertunggak dan pada transaksi runcit baru. Walau bagaimanapun, pengiraan rebat atas caj kemudahan perlu dibayar tidak termasuk jumlah yang dikira pada mana-mana dan semua baki tertunggak Pemegang Kad dan transaksi runcit baru dari tarikh transaksi runcit baru diposkan ke dalam Akaun Kad dan akan didasarkan pada kadar berikut: -
 - (aa) 1.25% sebulan, yang bersamaan dengan 15% setahun, di mana Pemegang Kad telah menyelesaikan dengan segera bayaran kena dibayar minimum mereka untuk dua belas (12) bulan berturut-turut;
 - (bb) 1.42% sebulan, yang bersamaan dengan 17% setahun, di mana Pemegang Kad telah menyelesaikan dengan segera bayaran kena dibayar minimum mereka bagi sekurang - kurangnya sepuluh (10) bulan dalam dua belas (12) bulan terakhir;
 - (cc) 1.5% sebulan, yang bersamaan dengan 18% setahun, di mana Pemegang Kad tidak jatuh dalam sama ada (aa) atau (bb) di atas.
- Fi dan caj semasa Bank diterbitkan di laman web Bank. Jumlah fi dan caj yang secara munasabah dikenakan oleh Bank adalah muktamad dan konklusif melainkan terdapat kesilapan jelas. Semua fi dan caj yang dikenakan akan didebitkan ke Akaun Kad.
- 16.2 Jika Pemegang Kad memilih untuk tidak menyelesaikan Baki Baru dengan sepenuhnya, Pemegang Kad mesti, pada atau sebelum Tarikh Matang, membayar sekurang-kurangnya bayaran minimum yang terdiri daripada:
- (a) 5% daripada baki semasa*; dan
 - (b) 100% daripada sebarang cukai perkhidmatan dan sebarang cukai nilai tambah lain yang dikenakan; dan
 - (c) 100% daripada semua ansuran bulanan yang kena dibayar untuk mana-mana program/pengaturan yang dikendalikan oleh Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada pelan pembayaran ansuran dan penukaran baki automatik; dan

- (d) sebarang bayaran minimum tidak dibayar yang ditentukan dalam penyata bulan sebelumnya;
atau RM50 mana-mana yang lebih tinggi.

*Baki semasa = jumlah transaksi runcit (jika ada) + jumlah pendahuluan tunai (jika ada) + caj kemudahan perlu dibayar dan/atau ta'widh (pampasan) yang perlu dibayar dan sebarang fi dan caj terpakai lain (jika ada).

- 16.3 Jika Baki Baru melebihi had kredit ditetapkan yang diberikan kepada Pemegang Kad, Bank boleh menghendaki Pemegang Kad menyelesaikan keseluruhan jumlah yang mana had kredit ditetapkan tersebut telah berlebihan ("**jumlah yang melebihi had kredit yang ditetapkan**"). Sehingga Bank menghendaki Pemegang Kad membayar jumlah yang melebihi had kredit yang ditetapkan, Pemegang Kad akan membayar bayaran kena dibayar minimum seperti yang ditentukan dalam Penyata.
- 16.4 Semua transaksi Kad dan pendahuluan tunai yang dilakukan dengan menggunakan Kad, fi tahunan, caj perkhidmatan, dan/atau ta'widh (pampasan) dan sebarang fi dan caj terpakai lain hendaklah didebitkan ke dalam Akaun Kad dalam mata wang pengebilan dan akan dicerminkan dalam Penyata.
- 16.5 Jika Pemegang Kad menyelesaikan sepenuhnya baki tertunggak bulan sebelumnya pada atau sebelum tarikh matang seperti yang dinyatakan dalam Penyata ("**Tarikh Matang**"), Pemegang Kad akan layak kepada "tempoh percuma caj kewangan" sebanyak dua puluh (20) hari kalendar dari tarikh Penyata untuk transaksi runcit baru. Transaksi runcit hendaklah bermaksud transaksi selain daripada pendahuluan tunai dan semua ansuran bulanan kena dibayar di bawah Akaun Kad. Sebagai contoh, bagi pelan pembayaran ansuran bulanan dan pemindahan baki automatik.

Perubahan dalam Caj Perkhidmatan dan Caj Lain

- 17.1 Bank akan layak pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengubah kadar atau kaedah pengiraan semua fi dan caj, bayaran kena dibayar minimum, ta'widh (pampasan) dan sebarang fi atau levi terpakai lain yang dikenakan dengan memberikan notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemegang Kad. Notis perubahan dan tarikh berkuat kuasa perubahan boleh dilakukan dengan mengeposkan notis di ruang perbankan Bank dan/atau di laman web Bank. Bank juga boleh (tetapi tidak dikehendaki untuk) memberikan notis dengan:-
- (a) menerbitkan perubahan dalam surat khabar pilihan Bank; dan/atau
 - (b) memasukkan notis perubahan dalam Penyata; dan/atau
 - (c) dengan menghantar notis secara serahan tangan atau kurier; dan/atau
 - (d) dengan mengeposkan notis kepada Pemegang Kad melalui pos biasa atau berdaftar; dan/atau
 - (e) menghantar notis melalui SMS atau mel elektronik atau bentuk komunikasi segera lain kepada Pemegang Kad.
- 17.2 Notis yang diberikan oleh Bank dianggap diterima oleh Pemegang Kad pada awal perkara berikut:-
- (a) tarikh notis dipaparkan di dewan perbankan Bank atau laman web Bank; atau
 - (b) tarikh penerbitan pertama dalam surat khabar pilihan Bank; atau
 - (c) pada masa penghantaran, jika dihantar secara serahan tangan atau kurier; atau
 - (d) tujuh (7) hari kalendar selepas: (a) tarikh pengeposan Penyata (yang mengandungi notis perubahan); atau (b) tarikh pengeposan notis kepada Pemegang Kad; atau
 - (e) dengan serta-merta, pada masa notis dihantar kepada Pemegang Kad, jika dihantar melalui faksimile, e-mel atau bentuk komunikasi segera lain (termasuk SMS dan rakaman suara).

Tandatangan di atas Kad dan Pematuhan Undang-Undang

- 18.1 **DENGAN SERTA-MERTA** selepas Pemegang Kad menerima Kad, Pemegang Kad mesti menandatangani Kad menggunakan tandatangan yang sama yang diberikan kepada Bank semasa permohonan Kad dan mengaktifkan Kad. Pengaktifan Kad akan membentuk bukti yang mengikat dan konklusif bahawa Pemegang Kad telah menerima terma-terma dan syarat-syarat ini.
- 18.2 Kad tidak boleh dipindah milik dan hanya boleh digunakan oleh Pemegang Kad. Kad tidak boleh diberikan atau dipegang oleh mana-mana orang lain sebagai cagaran untuk sebarang tujuan sekalipun.
- 18.3 Pemegang Kad boleh membatalkan Kad melalui notis bertulis kepada Bank. Selepas pembatalan, Pemegang Kad mesti mengerat Kad ke dalam dua bahagian merentasi jalur magnetik dan merentasi mikrochip yang dibenam dalam Kad. Pemegang Kad terus bertanggungjawab kepada semua transaksi Kad sebelum Bank menerima notis pembatalan bertulis.
- 18.4 Pemegang Kad mesti memastikan ia mematuhi semua undang-undang berkenaan dengan penggunaan Kad dan tidak menggunakannya untuk sebarang tujuan yang meyalahi undang-undang atau haram. Ia termasuk tidak menggunakan Kad untuk sebarang perdagangan mata wang atau instrumen "dalam talian" yang menyalahi undang-undang yang melibatkan atau merujuk mata wang dengan rakan niaga bukan pemastautin, bertaruh atau membeli barangan dan/atau perkhidmatan haram. Selanjutnya, Pemegang Kad mesti mematuhi undang-undang pertukaran asing dan peraturan lain Bank Negara Malaysia termasuk Notis Dasar Pertukaran Asing 3 dan 4 yang dinyatakan dan dijelaskan di <https://www.cimb.com.my/en/personal/important-notices/2021/foreign-exchange-notices-notice-3-fen-notice-3-and-notice.html>. Khususnya, sila ambil perhatian larangan ke atas sebarang pelaburan dalam aset mata wang asing melebihi RM1 juta bersamaan dengan agregat (berdasarkan pelaburan yang dibuat oleh Pemegang Kad sebagai individu serta pemilikan tunggal dan perkongsian am di bawah Pemegang Kad) setiap tahun calendar. Beberapa jenis pelaburan biasa dalam aset mata wang asing (FCY Asset) termasuk penukaran Ringgit Malaysia untuk (i) dagangan dalam talian mata wang atau derivatif dengan rakan niaga Residen di mana tiada deposit asas (ii) dalam akaun FCY di luar Malaysia (selain untuk pendidikan, pekerjaan atau migrasi di luar Malaysia), (iii) deposit dalam akaun FCY dengan CIMB Malaysia; dan (iv) pelaburan dalam sekuriti denominasi mata wang asing di darat dan luar pesisir.

Arahan Telekomunikasi dan Penyampaian Notis

- 19.1 Dalam semua perkara yang berkaitan dengan Kad, Bank juga boleh bergantung kepada arahan telefon Pemegang Kad untuk melakukan yang berikut:-
- (a) perubahan alamat mel; atau
 - (b) pengaktifan PIN; atau
 - (c) melapor kehilangan kad; atau
 - (d) penggantian kad yang hilang atau rosak; atau
 - (e) perubahan dalam had kredit; atau
 - (f) transaksi lain yang Bank mungkin bersetuju.
- 19.2 Sebelum menerima arahan melalui telefon, Bank akan melalui wakilnya mengesahkan identiti Pemegang Kad dan mungkin memerlukan Pemegang Kad memberikan maklumat peribadi.
- 19.3 Selain daripada melaporkan kehilangan Kad, Bank boleh meminta Pemegang Kad memberikan pengesahan bertulis arahan Pemegang Kad sebelum mengambil sebarang tindakan.
- 19.4 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh Pemegang Kad dengan mengikut atau gagal mengikut arahan telefon Pemegang Kad melainkan Pemegang Kad menunjukkan bahawa Bank telah bertindak dengan kecuaiian melampau atau dengan keingkaran sengaja.
- 19.5 Pemegang Kad bersetuju bahawa:-
- (a) perbualan telefon antara Pemegang Kad dan wakil Bank boleh direkodkan; dan
 - (b) Pemegang Kad adalah bertanggungjawab secara tunggal jika pihak ketiga yang tidak diberi kuasa terdengar perbualan tersebut.

- 19.6 Bank juga dibenarkan untuk bertindak di atas arahan lain yang diberikan melalui faksimile atau kaedah elektronik atau telekomunikasi lain, dan Bank boleh bergantung pada sebarang permintaan yang dilakukan oleh Pemegang Kad kepada mana-mana peniaga untuk mencajkan Kad, mendebitkan Kad dengan jumlah yang dicajkan tersebut.
- 19.7 Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan) menghantar pemberitahuan atau komunikasi lain kepada Pemegang Kad melalui pos biasa, serahan tangan, perkhidmatan kurier, faksimile, mel elektronik ("**e-mel**"), telefon, khidmat pesanan ringkas ("**SMS**") atau dengan sebarang cara lain yang ia anggap patut. Pemberitahuan boleh dalam cara rakaman suara, teks atau mesej elektronik lain dan boleh dihantar ke alamat mel, alamat e-mel, nombor telefon mudah alih atau butir-butir hubungan lain Pemegang Kad dalam rekod Bank. Pemberitahuan daripada Bank kepada Pemegang Kad boleh termasuk notis berkenaan dengan (i) penggantungan, pembatalan atau perubahan kepada had kredit Pemegang Kad, (ii) pembatalan atau penggantungan Kad dan/atau sebarang perkhidmatan yang ditawarkan di bawah Kad, (iii) keengganan Bank untuk mengeluarkan Kad gantian baru dan (iv) peringatan pembayaran kena dibayar minimum, tarikh matang pembayaran, tuntutan untuk pembayaran, promosi dan maklumat lain. Pemberitahuan adalah efektif dan dianggap diterima oleh Pemegang Kad dalam cara yang sama diperuntukkan dalam Klausula 17.2.
- 19.8 Pemegang Kad bertanggungjawab memastikan notis dan/atau komunikasi daripada Bank tidak dibaca atau diakses oleh sebarang parti ketiga. Bank tidak akan bertanggungjawab dalam mana-mana cara untuk (i) sebarang rasa malu yang disebabkan atau bagi sebarang kerugian atau kerosakan, jika notis dan/atau komunikasi daripada Bank tersebut dibaca atau diakses oleh mana-mana pihak ketiga lain; dan (ii) sebarang kerugian atau kerosakan lain yang dialami oleh Pemegang Kad yang disebabkan oleh mana-mana:-
- (a) ralat dalam penghantaran;
 - (b) ketidaktepatan, ketidaklengkapan, kelewatan, kegagalan penghantaran atau penghantaran salah kepada mana-mana pihak ketiga;
 - (c) maklumat yang diakseskan dengan tidak sewajarnya, atau penggunaan atau tafsiran maklumat yang dihantar dengan salah atau tidak diberi kuasa; dan
 - (d) tuntutan libel atau fitnah yang timbul daripada sebarang maklumat yang dihantar
- melainkan Pemegang Kad menunjukkan bahawa mereka timbul daripada dan adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.
- 19.9 Pemberitahuan boleh dihantar dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain pilihan Bank.
- 19.10 Pemegang Kad mesti memaklumkan kepada Bank dengan segera jika terdapat sebarang perubahan kepada (i) alamat mel, (ii) alamat e-mel, (iii) nombor telefon dan/atau (iv) butir-butir lain yang direkodkan dengan Bank bagi Pemegang Kad, melalui saluran yang dibenarkan oleh Bank, untuk memastikan semua notis dan/atau komunikasi sampai ke Pemegang Kad tepat pada masanya.

Penamatan dan/atau Penggantungan Kad

- 20.1 Kad dimiliki oleh Bank dan mesti dengan serta merta dipulangkan apabila diminta. Kad dan mana-mana perkhidmatan berkenaan boleh ditarik balik, digantung dan/atau ditamatkan pada bila-bila masa oleh Bank dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi walaupun tiada kemungkinan yang berlaku.
- 20.2 Bank juga boleh dengan memberikan notis kepada Pemegang Kad, dengan serta merta, menarik balik, menggantung dan/atau membatalkan Kad dan/atau sebarang perkhidmatan berkenaan dengan Kad apabila mana-mana peristiwa ini berlaku (walaupun Bank mungkin sebelumnya membenarkan peristiwa ini berlaku tanpa akibat):-
- (a) Pemegang Kad gagal membayar sebarang wang kena dibayar yang timbul daripada Kad, kepada Bank, sama ada dituntut secara rasmi atau tidak;
 - (b) Pemegang Kad melakukan atau mengugut untuk melakukan kemungkiran mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini atau terma-terma dan syarat-syarat Akaun Lain Pemegang Kad;
 - (c) Pemegang Kad menjadi bankrap atau seseorang telah memohon kepada mahkamah untuk menjadikan Pemegang Kad bankrap;

- (d) suatu perintah mahkamah telah dikeluarkan terhadap mana-mana harta Pemegang Kad dan tidak diselesaikan dalam tempoh dua-puluh-satu (21) hari kalendar dari tarikh perintah mahkamah;
 - (e) maklumat yang diberi oleh Pemegang Kad kepada Bank didapati adalah palsu atau tidak tepat;
 - (f) penerima dilantik berkenaan dengan kesemua atau sebahagian aset Pemegang Kad, mesyuarat pemiutang telah dipanggil oleh pemiutang Pemegang Kad, jika Pemegang Kad telah memasuki mana-mana skim bayaran balik, perkiraan atau komposisi (secara sukarela atau sebaliknya) dengan mana-mana pemiutang, atau jika Pemegang Kad telah pergi ke AKPK (Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit) untuk bantuan;
 - (g) hutang penghakiman telah diperolehi terhadap Pemegang Kad dan tidak diselesaikan dalam tujuh (7) hari kalendar dari tarikh penghakiman;
 - (h) terdapat keingkaran pembayaran yang kena dibayar di bawah Akaun Kad Mastercard dan/atau Visa dan/atau mana-mana Akaun Lain Pemegang Kad dengan Bank atau CIMB Islamic Bank Berhad termasuk jika Pemegang Kad ingkar terhadap apa-apa obligasi pembayaran bagi apa-apa kemudahan perbankan, pembiayaan, pinjaman atau kemudahan kredit lain dengan Bank atau CIMB Bank Berhad dalam apa jua cara sekalipun termasuk tetapi tidak terhad kepada liabiliti Pemegang Kad sebagai penjamin;
 - (i) suatu peristiwa telah berlaku atau suatu keadaan telah timbul yang, menurut pendapat Bank, mungkin menjejaskan keupayaan Pemegang Kad untuk mematuhi terma-terma dan syarat-syarat ini;
 - (j) Pemegang Kad menjadi tidak siuman atau mati;
 - (k) jika Bank tidak lagi mengetahui tentang keberadaan Pemegang Kad;
 - (l) jika Pemegang Kad telah melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan-peraturan berkenaan dengan penggunaan Kad (termasuk aktiviti haram seperti pertaruhan dalam talian haram);
 - (m) jika pada pendapat Bank terdapat kerosotan dalam kebolehpercayaan kredit Pemegang Kad;
 - (n) jika disebabkan oleh domisil, kewarganegaraan, status residensi, status cukai atau apa-apa status berkenaan lain Pemegang Kad, dengan membenarkan Pemegang Kad untuk terus menggunakan Kad, Bank mungkin melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan terpakai, keperluan dalamannya, dasar atau amalan dan prosedur perniagaan biasanya;
 - (o) jika disebabkan oleh mana-mana undang-undang atau perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan kawal selia (sama ada mempunyai kuasa undang-undang), ia mungkin menyalahi undang-undang atau Bank dicegahkan daripada terus membenarkan Pemegang Kad menggunakan Kad;
 - (p) jika mana-mana pihak berkuasa kawal selia atau pihak berkuasa fiskal atau kewangan lain (sama ada mempunyai kuasa undang-undang) meminta Bank untuk menghentikan penggunaan Pemegang Kad kepada Kad; atau
 - (q) jika transaksi yang mencurigakan atau tidak normal telah dilakukan dengan Kad dan Bank berpendapat bahawa penggantungan dan/atau penamatan adalah semunasabahnya diperlukan untuk mencegah transaksi penipuan atau tanpa kebenaran.
- 20.3 Bank tidak perlu memberi sebarang sebab untuk menarik balik, menggantung dan/atau membatalkan Kad dan/atau sebarang perkhidmatan berkenaan dengan Kad.
- 20.4 Pemegang Kad mesti membayar semua transaksi yang dikenakan ke atas Kad sehingga Bank secara rasmi menamatkan atau membatalkan penggunaan Kad dalam rekodnya.
- 20.5 Hanya jika Kad ditamatkan dalam tiga (3) bulan dari pembayaran fi tahunan (jika ada), fi tahunan yang telah dibayar akan dibayar balik kepada Pemegang Kad pada dasar pro rata. Dalam semua kes lain tidak akan ada pembayaran balik atau pembayaran balik separa sebarang fi tahunan yang telah dibayar.
- 20.6 Jika Kad ditamatkan dan/atau digantung oleh Bank menurut terma-terma dan syarat-syarat ini, Kad Tambahan juga akan ditamatkan dan/atau digantung dengan segera.

- 20.7 Walaupun penggunaan Kad telah ditarik balik, digantung dan/atau dibatal, terma-terma dan syarat-syarat ini masih akan terpakai dan Bank akan terus mengenakan caj kemudahan (selagi mana-mana Perkhidmatan boleh didapati) dan/atau ta'widh (pampasan) dan sebarang fi dan caj terpakai lain (jika ada) ke atas semua wang yang kekal kena dibayar dan tidak dibayar dan mendebitkan wang dan caj ini ke atas Akaun Kad di mana Pemegang Kad mesti membayar.

Kecurian atau Kehilangan atau Penggunaan Penipuan Kad dan Peranti Mudah Alih

21.1

- (a) Pemegang Kad bertanggungjawab untuk melindungi Kad daripada kecurian, kehilangan atau penggunaan Kad tanpa kebenaran. Jika Kad dicuri, kehilangan atau terdapat transaksi tidak diberi kuasa, Pemegang Kad mesti memberitahu Bank dengan segera. Melainkan jika dipersetujui sebaliknya oleh Bank, Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab ke atas semua caj dan pendahuluan yang timbul daripada semua transaksi, sama ada transaksi diberi kuasa atau tidak diberi kuasa, yang dilaksanakan dengan Kad dan mesti membayar semua caj yang ditanggung untuk barangan dan perkhidmatan dan semua pendahuluan tunai yang diperolehi melalui penggunaan Kad.

Pemegang Kad mesti mengambil langkah berjaga-jaga dan pencegahan untuk memastikan Kad selamat dan menyimpan PIN Pemegang Kad dan OTP/TAC yang dihantar ke Peranti Mudah Alih/ Peranti Utama rahsia dan selamat untuk memastikan Kad tidak digunakan dengan penipuan. Tanggungjawab Pemegang Kad termasuk:

- tidak pernah membenarkan sesiapa pun untuk menggunakan Kad dan Peranti Mudah Alih/Peranti Utama.
- kerap memeriksa agar Kad dan Peranti Mudah Alih/Peranti Utama masih berada dalam pemilikan dan jagaan Pemegang Kad.
- Tidak pernah menulis PIN di atas Kad atau sebarang benda yang biasanya disimpan berdekatan atau dengan Kad, dan menyimpan rekod PIN Pemegang Kad, walaupun secara menyamar, berasingan dan jauh daripada Kad Pemegang Kad.
- tidak pernah mendedahkan atau membenarkan mana-mana pihak ketiga mengakses sebarang OTP dan/atau TAC.
- tidak pernah menulis PIN dalam cara yang boleh difahami oleh orang lain.
- tidak pernah mendedahkan butir-butir Kad atau PIN kepada mana-mana orang lain.
- tidak membiarkan Kad terlepas pandangan Pemegang Kad.

Pemegang Kad mesti memaklumkan kepada Bank:-

- (i) dengan serta merta atau secepat mungkin dengan semunasabahnya selepas mendapat tahu bahawa Kad telah hilang atau dicuri atau jika PIN mungkin telah dikompromi atau jika terdapat sebarang transaksi yang tidak diberi kuasa berlaku;
 - (ii) dengan serta merta apabila Pemegang Kad menerima amaran transaksi SMS bagi transaksi yang tidak diberi kuasa oleh Pemegang Kad; dan
 - (iii) dengan serta merta apabila nombor Peranti Mudah Alih Pemegang Kad berubah.
- (b) Pemegang Kad akan bertanggungjawab untuk:-
- (i) Transaksi tanpa kebenaran yang berasaskan PIN, jika Pemegang Kad: -
 - (aa) melakukan penipuan;
 - (bb) lewat dalam memaklumkan kepada Bank selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa diberi kuasa Kad;
 - (cc) secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain; atau
 - (dd) merekodkan PIN pada Kad, atau pada apa-apa yang disimpan berdekatan atau dengan Kad.
 - (ii) transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengemukaan Kad atau penggunaan Kad tanpa sentuhan, jika Pemegang Kad: -
 - (aa) melakukan penipuan;
 - (bb) lewat dalam memaklumkan kepada Bank selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa diberi kuasa Kad;

- (cc) meninggalkan Kad tanpa pengawasan atau gagal memastikan Kad selamat; atau
- (dd) secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan Kad.

- (c) Jika Pemegang Kad tidak berpuas hati dengan keputusan Bank berkenaan dengan transaksi yang tidak diberi kuasa dan/atau sebarang perkara lain, Pemegang Kad boleh merujuk pertikaian kepada Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan untuk menyelesaikan pertikaian. Apabila Kad Pemegang Kad yang dilaporkan hilang atau dicuri Kad dijumpai, Kad tidak lagi boleh digunakan dan Pemegang Kad mesti dengan serta merta mengerat Kad ke dalam dua bahagian merentasi jalur magnetik dan merentasi mikrochip dalam Kad.
- (d) Bank tidak dikehendaki untuk mengeluarkan Kad gantian kepada Pemegang Kad selepas ia hilang atau dicuri. Walau bagaimanapun, jika Bank memutuskan untuk mengeluarkan Kad gantian, Fi Penggantian Kad semasa Bank, seperti yang diterbitkan di laman web Bank, mesti dibayar. Fi Penggantian Kad yang boleh dibayar bergantung pada sama ada Kad hilang atau dicuri untuk kali pertama ataupun Kad telah hilang lebih daripada sekali. Bank boleh enggan menggantikan Kad jika Kad telah hilang lebih daripada dua kali. Jika Kad diperlukan untuk diganti disebabkan oleh Kad rosak atau disebabkan penambahbaikan sistem oleh Bank, Fi Penggantian Kad tidak akan dikenakan.
- (e) Jika Kad gantian dikeluarkan, semua wang dan caj yang terhutang dalam kad lama akan dipindahkan ke Kad baharu.
- (f) Di mana terdapat sebarang kehilangan atau kecurian Kad atau pendedahan PIN kepada mana-mana orang, Pemegang Kad mesti dalam tujuh (7) hari kalendar daripada permintaan Bank, menyediakan yang berikut kepada Bank:-
 - (i) satu salinan laporan polis; dan/atau
 - (ii) satu pengesahan bertulis yang dilakukan oleh Pemegang Kad untuk kehilangan atau kecurian atau pendedahan PIN, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pembaharuan Kad

- 22.1 Apabila Kad tamat tempoh, Bank tidak diperlukan untuk mengeluarkan Kad gantian baru dan boleh, dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, tanpa perlu memberi sebarang alasan kepada Pemegang Kad, enggan mengeluarkan Kad baru. Walau bagaimanapun, jika Bank memutuskan untuk mengeluarkan Kad baru, semua wang dan caj yang terhutang di bawah kad tamat tempoh akan dipindahkan ke Kad baru.

Had Kredit

- 23.1 Bank akan menetapkan suatu had kredit untuk Kad apabila Kad dikeluarkan kali pertama kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad tidak boleh melakukan sebarang perbelanjaan ke atas Kad yang akan melebihi had kredit untuk Kad tersebut melainkan Pemegang Kad terdahulu mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Bank. Pemegang Kad tidak boleh melebihi had kredit ditetapkan yang diberi/ ditentu oleh Bank melainkan kelulusan terdahulu untuk melebihi had ini diperolehi oleh Pemegang Kad daripada Bank. Pemegang Kad selanjutnya mengaku janji untuk tidak melakukan sebarang pembelian atau transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang boleh menyebabkan had kredit dilebihi secara agregat.
- 23.2 Jika Kad Tambahan telah dikeluarkan, had kredit dikongsi oleh kad utama dengan kad-kad ini dan Pemegang Kad mesti memastikan bahawa jumlah perbelanjaan di bawah semua kad ini tidak melebihi had kredit yang ditetapkan.
- 23.3 Bank boleh, mengikut budi bicara, membenarkan Pemegang Kad melebihi had kredit dari masa ke semasa, tetapi ini tidak bermakna Bank telah meningkatkan had kredit Pemegang Kad.
- 23.4 Untuk menentukan sama ada had kredit bagi Pemegang Kad telah melebihi, Bank boleh mengambil kira:-
- (i) transaksi yang dibuat dengan Kad yang belum didebit dari Akaun Kad Mastercard dan/atau Visa Pemegang Kad; dan
 - (ii) kod(-kod) pengesahan (*authorisation code(s)*) yang telah dikeluarkan oleh Bank kepada pihak ketiga yang dibenarkan berkaitan dengan transaksi pendahuluan tunai menggunakan Kad.
- 23.5 Bank boleh atas permintaan Pemegang Kad mengubah had kredit yang diberikan kepada Kad. Jika Bank bersetuju dengan permintaan Pemegang Kad, Bank akan memaklumkan kepada Pemegang Kad mengenai had kredit yang diubah dan Bank berhak mengenakan caj tambahan untuk setiap had kredit tambahan yang

diluluskan seperti yang dinyatakan dalam perenggan D Jadual Satu di sini. Bank boleh meluluskan atau menolak permintaan Pemegang Kad mengikut budi bicara tunggalnya tanpa memberi sebarang alasan untuk keputusannya. Bank boleh dengan budi bicara mutlaknya melepaskan atau memberikan rebat atas caj tambahan atau sebahagian daripadanya. Tambahannya, Bank juga boleh memberikan rebat tambahan mengikut garis panduan Bank Negara Malaysia mengenai harga berperingkat.

- 23.6 Bank tidak di bawah sebarang tanggungjawab untuk memastikan bahawa Pemegang Kad tidak melebihi had kredit Kad dan Pemegang Kad bertanggungjawab untuk semua transaksi dan caj yang dibelanjakan pada Kad termasuk Kad Tambahan walaupun had kredit berlebihan.
- 23.7 Jika Pemegang Kad melebihi had kredit, jumlah yang melebihi had kredit tersebut mesti dibayar dengan segera sebelum tarikh matang pembayaran seterusnya, atau selepas menerima notis bertulis daripada Bank.
- 23.8 Had kredit Pemegang Kad tertakluk kepada semakan oleh Bank dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa. Bank boleh pada bila-bila masa memberi notis kepada Pemegang Kad untuk mengurangkan had kredit untuk Kad, tanpa memberi sebarang sebab.
- 23.9 Bank boleh tidak membenarkan penggunaan had kredit pada bila-bila masa apabila Bank mengesyaki atau Bank berpendapat bahawa penggunaan had kredit adalah untuk transaksi penipuan, menyalahi undang-undang, tidak diberi kuasa atau mencurigakan.
- 23.10 Jika mana-mana peristiwa dalam Klausula 20.2 di atas berlaku, Bank juga boleh memberi notis kepada Pemegang Kad, dengan serta merta, menggantung, menarik balik atau mengurangkan had kredit Pemegang Kad dan/atau mengenakan syarat-syarat lanjutan ke atas penggunaan Kad seperti yang Bank secara munasabah anggap sesuai.
- 23.11 Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan) menghubungi Pemegang Kad untuk memeriksa sama ada transaksi diberi kuasa dengan sewajarnya ke atas Kad untuk mengelakkan penipuan. Jika Bank tidak dapat menghubungi Pemegang Kad Bank boleh (tetapi tidak diwajibkan) menolak transaksi tanpa menanggung liabiliti. Jika Bank membenarkan transaksi, Pemegang Kad akan bertanggungjawab bagi transaksi.

Rekod Transaksi dan Mata Wang Pengebilan

- 24.1 Sebarang:-
- (a) deraf jualan, rekod transaksi, baucar kredit, pengeluaran tunai dan/atau rekod caj yang lain, yang direkodkan secara elektronik atau sebaliknya; dan/atau
- (b) rekod oleh Bank berkenaan pendahuluan tunai yang dilakukan atau sebarang transaksi lain yang menggunakan Kad (termasuk rekod pesanan mel, telefon, internet atau transaksi elektronik lain),
- boleh dipercayai oleh Bank sebagai bukti caj yang ditanggung dengan sewajarnya oleh Pemegang Kad walaupun mereka mungkin tidak mempunyai tandatangan Pemegang Kad di atasnya atau jika mempunyai tandatangan, ia berbeza dengan tandatangan dalam rekod Bank. Rekod Bank hendaklah konklusif dan mengikat terhadap Pemegang Kad untuk semua tujuan, melainkan Pemegang Kad boleh menunjukkan kesilapan jelas dalam rekod Bank. Jika Bank menerima bukti dokumentari yang tidak boleh disangkal yang menunjukkan suatu transaksi Kad adalah penipuan dan Pemegang Kad tidak menyumbang kepada penipuan melalui tindakan dan/atau peninggalan Pemegang Kad dan Pemegang Kad telah mematuhi secara ketat terma-terma dan syarat-syarat ini, Bank boleh melepaskan Pemegang Kad daripada tanggungjawab untuk membayar transaksi penipuan.
- 24.2 Semua transaksi (termasuk pendahuluan tunai) yang dijalankan dalam mata wang asing selain daripada Ringgit Malaysia (RM) akan:-
- (a) ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) pada kadar pertukaran yang ditetapkan oleh pengendali skim kad seperti MCI dan/atau Visa pada tarikh transaksi dipaparkan ke Akaun Kad; dan
- (b) tertakluk kepada caj pentadbiran sebanyak 1% daripada jumlah yang diniagakan dan ditambah kepada pertukaran mata wang asing di atas pada tarikh transaksi dipaparkan ke Akaun Kad; dan
- (c) tertakluk kepada sebarang fi yang boleh dikenakan dan secara konklusif ditentukan oleh MCI dan/atau Visa.

Kadar pertukaran mata wang dan fi yang dikenakan oleh MCI dan/atau Visa berubah setiap hari dan adalah seperti yang dipaparkan pada laman web mereka. Bank boleh meningkatkan atau sebaliknya mengubah caj pentadbiran dengan memberi Pemegang Kad notis dua puluh satu (21) hari kalendar, sebelum perubahan.

Penyata Akaun

25.1 Pemegang Kad bersetuju bahawa:-

- (a) Penyata berkenaan dengan penggunaan Kad akan dihantar secara bulanan ke alamat mel/alamat e-mel Pemegang Kad dalam rekod Bank. Penyata akan dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad dalam cara yang sama yang diperuntukan dalam Klausula 17.2;
- (b) setelah menerima Penyata Pemegang Kad mesti membaca dan memeriksa semua catatan dalam Penyata dengan teliti dan sebarang kesilapan atau percanggahan dalam Penyata mesti dimaklumkan kepada Bank dengan serta merta. Jika Pemegang Kad tidak memaklumkan kepada Bank dengan segera (pemberitahuan akan dianggap telah dilakukan dengan segera jika tidak lebih daripada empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Penyata dianggap telah terima), Pemegang Kad akan dianggap telah menerima secara konklusif kandungan penyata sebagai benar dan betul dan tidak berhak mendapat sebarang kesilapan atau percanggahan diperbetulkan; dan
- (c) Bank boleh memilih mana-mana hari dalam sebulan sebagai tarikh penyata bulanan.

25.2 Bank tidak dikehendaki menyediakan rekod transaksi, penyata atau slip jualan yang berkaitan dengan transaksi yang telah berlaku melebihi dua belas (12) bulan sebelum permintaan Pemegang Kad.

25.3 Tanpa mengambil kira apa yang dinyatakan dalam Penyata Pemegang Kad berkenaan dengan “bayaran minimum” atau “tarikh matang” untuk pembayaran, semua wang yang terhutang di bawah Akaun Kad termasuk fi perkhidmatan dan ta’widh (pampasan) menjadi kena dibayar dan boleh dibayar **dengan serta merta** apabila:-

- (a) Bank menamatkan penggunaan Kad atau enggan mengeluarkan Kad gantian; atau
- (b) Pemegang Kad menamatkan penggunaan Kad.

Ta’widh (Pampasan)

26.1 Jika sebarang jumlah kena dibayar tidak dibayar tepat pada masanya, Pemegang Kad mesti membayar kepada Bank dengan cara ta’widh (pampasan) yang dikira berdasarkan kos sebenar sehingga kadar satu peratus (1%) ke atas baki tidak dibayar yang timbul daripada transaksi runcit (tertakluk kepada minimum RM10.00 dan maksimum RM100.00) atau pada sebarang kadar yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa dan semua jumlah yang didapat semula oleh Bank hendaklah dipakai mengikut budi bicara Bank sedemikian cara yang diluluskan oleh Syariah. Ta’widh (pampasan) hendaklah menjadi perlu dibayar sebelum, serta selepas mana-mana perintah mahkamah atau penghakiman diperolehi. Jumlah pampasan (ta’widh) bagaimanapun tidak akan dikompaun.

26.2 Ta’widh (pampasan) masih akan dikenakan walaupun selepas penamatan penggunaan Kad.

26.3 Bank boleh memberikan anda tempoh penangguhan empat (4) hari kalendar jika tarikh matang bayaran jatuh pada hujung minggu atau cuti umum.

Penutupan Akaun

27.1 Akaun Kad Pemegang Kad boleh ditutup dan penggunaan Kad ditamatkan atas permintaan Pemegang Kad atau oleh Bank dengan memberikan Pemegang Kad notis terdahulu yang mencukupi. Fi tidak akan dikenakan untuk penutupan atau penamatan. Jika Pemegang Kad mempunyai baki kredit, Bank akan berdasarkan kepada arahan Pemegang Kad utama, (i) membayar balik baki kredit tersebut dengan mengkreditkan jumlah ke dalam Akaun Lain Pemegang Kad, atau (ii) membuat pembayaran balik sedemikian dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank. Dana yang dipindahkan ke akaun bank yang dinamakan melalui IBG atau perkhidmatan pemindahan segera hendaklah tertakluk kepada fi dan caj semasa yang timbul daripada pemindahan tersebut.

Pemakaian Pembayaran

- 28.1 Semua pembayaran yang perlu dilakukan kepada Bank mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) dan hanya akan dianggap diterima apabila dana telah sebenarnya dikreditkan ke dalam akaun Bank. Pembayaran yang dilakukan oleh Pemegang Kad kepada Bank sama ada melalui debit langsung daripada Akaun Lain Pemegang Kad atau sebaliknya akan digunakan dalam susunan berikut:-
- (a) dalam atau terhadap pembayaran semua fi perkhidmatan termasuk Caj Kemudahan Tahunan; dan
 - (b) dalam atau terhadap pembayaran semua ta'widh (pampasan); dan
 - (c) dalam atau terhadap pembayaran semua fi lain termasuk fi guaman dan caj lain; dan akhirnya
 - (d) dalam atau ke atas baki (iaitu perkara yang terdapat di dalam Penyata) dengan caj kemudahan tertinggi terdahulu yang akan mengakibatkan rebat yang paling kurang kepada Caj Kemudahan Tahunan.
- 28.2 Pemegang Kad tidak boleh menolak pembayaran kena dibayar daripada Pemegang Kad kepada Bank terhadap tuntutan dan/atau tolakan yang ia sedang menuntut terhadap peniaga dan/atau Bank.
- 28.3 Bank juga diberi kuasa (tetapi tidak dikehendaki) memindahkan pembayaran dari satu akaun kad kredit ke akaun kad kredit lain (untuk semua akaun dengan Pemegang Kad utama yang sama) untuk menyeragamkan sebarang tunggakan yang masih tertunggak dalam akaun lain.

Penepian

- 29.1 Dalam menerima bayaran lewat, pembayaran separa atau apa-apa pembayaran yang ditandakan sebagai "pembayaran sepenuhnya" penerimaan tidak akan beroperasi sebagai suatu pengubahsuaian terhadap terma-terma dan syarat-syarat ini atau pengecualian mana-mana hak Bank dan Bank boleh terus menguatkuasakan semua haknya di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini, termasuk tindakan pemulihan bagi jumlah tertunggak penuh.
- 29.2 Hak Bank dalam terma-terma dan syarat-syarat ini adalah kumulatif dan sebagai tambahan kepada hak-haknya, yang terdapat di bawah undang-undang dan boleh dilaksanakan seberapa banyak kali yang difikirkannya sesuai. Hak Bank hanya boleh diketepikan atau diubah oleh penepian atau variasi nyata secara bertulis. Sebarang kegagalan atau kelewatan dalam menjalankan hak tidak akan dianggap sebagai penepian atau perubahan hak Bank. Pelaksanaan hak Bank secara salah atau separa juga tidak akan menghalang Bank daripada selanjutnya melaksanakan hak tersebut. Rundingan dengan Pemegang Kad atau apa-apa kelakuan lain oleh Bank tidak akan dianggap sebagai penggantungan hak Bank atau menghalang Bank daripada melaksanakan hak tersebut.

Prabayaran

- 30.1 Jika Pemegang Kad membayar kepada Bank sebarang jumlah yang melebihi Baki Baru ("**prabayaran**"), Bank boleh meminta Pemegang Kad memberikan bukti dokumentari bahawa dana prabayaran datang dari sumber yang sah. Hanya apabila Bank berpuas hati dengan legitimasi dana tersebut prabayaran sedemikian akan digunakan untuk pembayaran pembelian dan transaksi yang dilakukan dengan Kad. Sebelum Bank berpuas hati dengan legitimasi dana tersebut:-
- (a) Bank boleh menggantung penggunaan Kad dan/atau menolak sebarang transaksi yang dicubakan ke atas Kad selepas prabayaran; dan
 - (b) sebarang kredit yang timbul daripada prabayaran tidak akan dibayar balik kepada Pemegang Kad.
- 30.2 Jika prabayaran adalah melalui dana dari institusi kewangan lain dengan cara "pemindahan baki" atau perkiraan yang serupa, dan prabayaran menghasilkan baki kredit dalam Akaun, Bank akan membayar balik baki kredit ini kepada institusi kewangan sedemikian.

Pembayaran Automatik dari Akaun Lain Pemegang Kad

- 30A.1 Bank dengan tidak boleh dibatalkan diberi kuasa untuk mendebitkan mana-mana akaun Pemegang Kad yang dinamakan oleh Pemegang Kad bagi jumlah yang ditanggung atau terhutang di bawah Kad. Jika Pemegang Kad memilih akaun CIMB Bank Berhad [197201001799(13491-P)] ("**CIMB Bank**") untuk mendebit, Bank akan memaklumkan kepada CIMB Bank mengenai arahan Pemegang Kad. Debit langsung tersebut hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang berikut:-

- (a) Pemegang Kad mesti mempunyai dana yang mencukupi dalam akaun untuk menyelesaikan jumlah yang terhutang di bawah Kad. Jika akaun adalah akaun semasa, Pemegang Kad mempunyai tanggungjawab untuk memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi dalam akaun untuk melunaskan cek-cek yang dikeluarkan di akaun tersebut selepas debit automatik dijalankan dan Bank tidak akan bertanggungjawab kepada sebarang rasa malu atau kerugian yang timbul daripada sebarang kenyataan yang diletakkan ke atas cek-cek yang dikembalikan (*seperti cek yang dikembalikan disebabkan dana yang tidak mencukupi*). Jika caj dikenakan untuk menjalankan arahan debit automatik, caj tersebut akan dikenakan dan mungkin tidak akan dibayar balik walaupun arahan tidak dapat dijalankan kerana dana tidak mencukupi.
- (b) Bank tidak akan bertanggungjawab jika Bank tidak dapat melaksanakan debit automatik atau mematuhi arahan tersebut atas sebab-sebab yang bukan disebabkan secara langsung oleh Bank atau yang berada di luar kawalan munasabah Bank atau jika terdapat kesilapan atau malfungsi operasi dan/atau sistem dalam sistem Bank yang bukan disebabkan secara langsung oleh atau timbul daripada kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.
- (c) Pemegang Kad mesti memberikan kepada Bank notis bertulis terdahulu dua (2) minggu sebelum Pemegang Kad menukar arahan debit automatik dan/atau arahan tetap.
- (d) Debit automatik tidak akan dilaksanakan jika terdapat dana yang tidak mencukupi di dalam akaun yang dinamakan oleh Pemegang Kad dan Bank tidak akan bertanggungjawab untuk mendebit semula akaun tersebut sekali lagi untuk jumlah tertunggak yang terhutang atau kena dibayar di bawah Kad. Pemegang Kad hendaklah bertanggungjawab untuk membuat pengaturan yang diperlukan untuk melaksanakan penyelesaian jumlah yang terhutang di bawah Kad.
- (e) Bank boleh menamatkan pemberikuasaan debit automatik untuk pembayaran masa hadapan dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis bertulis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar.
- (f) Pemberikuasaan debit automatik hendaklah kekal berkuat kuasa untuk perlindungan Bank bagi pembayaran yang dilakukan dengan niat baik meskipun selepas kematian atau kebangkrutan Pemegang Kad sehingga Bank menerima notis sebenar kematian atau kebangkrutan Pemegang Kad.

Tolakan

- 31.1 Bank boleh, dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis terdahulu tujuh (7) hari kalendar, melaksanakan sebarang hak tolakan ke atas Akaun Lain Pemegang Kad, dan mana-mana akaun bersama Pemegang Kad dengan mana-mana Pemegang Kad Tambahan yang dipegang dengan Bank. Hak ini boleh dijalankan dengan menggabungkan, menyatukan, menolak dan/atau memindahkan sebarang jumlah wang yang ada pada kredit akaun Pemegang Kad tersebut untuk menyelesaikan semua wang yang kena dibayar kepada Bank oleh Pemegang Kad. Hak tolakan boleh terpakai di antara akaun-akaun walaupun akaun-akaun mungkin bukan dalam mata wang yang sama (dalam keadaan ini Bank dapat melaksanakan tolakan dengan penukaran mata wang asing yang diperlukan pada kadar-kadar pertukaran semasa Bank). Sebelum menjalankan sebarang tolakan, Bank akan berhak untuk menahan atau menangguhkan pembayaran mana-mana dana yang ada di dalam akaun Pemegang Kad tersebut terhadap baki tertunggak Pemegang Kad selepas pengeluaran notis tersebut kepada Pemegang Kad.

Kos Guaman

- 32.1 Pemegang Kad akan membayar semua kos guaman Bank (termasuk kos guaman atas dasar peguamcara dan anakguam) dan perbelanjaan lain yang ditanggung dalam menguatkuasakan terma-terma dan syarat-syarat ini.

Keadaan di Luar Jangkaan

- 33.1 Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan jika Bank tidak dapat melaksanakan sebarang kewajipannya disebabkan oleh sebarang kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, sebarang tindakan di luar kawalan Bank atau sebarang peristiwa lain yang bersifat keadaan di luar jangkaan. Liabiliti Pemegang Kad untuk caj kewangan dan caj lain akan walau bagaimanapun terus terakru dan untuk tujuan mengira faedah yang boleh dibayar kepada Bank atau menetapkan tarikh matang bagi pembayaran faedah dan prinsipal walaupun Bank tidak dapat memberikan kepada Pemegang Kad Penyata untuk sebarang tempoh masa.

Bank Tidak Bertanggungjawab untuk Tindakan Peniaga dan Pihak Ketiga Lain

- 34.1 Bank tidak bertanggungjawab jika mana-mana peniaga, bank, anggota institusi MCI dan/atau Visa enggan menerima Kad atau terdapat apa-apa kecacatan atau kekurangan dalam barang atau perkhidmatan yang dibekalkan kepada Pemegang Kad. Semua pertikaian mesti diselesaikan secara langsung di antara Pemegang Kad dan peniaga atau pembekal yang berkenaan dan Pemegang Kad tidak boleh melibatkan Bank dalam pertikaian. Tiada tuntutan oleh Pemegang Kad terhadap mana-mana peniaga atau pembekal boleh menjadi subjek sebarang tolakan atau tuntutan balas terhadap Bank. Pemegang Kad bersetuju untuk membayar caj yang diposkan ke Akaun Kad dan tidak akan menahan pembayaran kepada Bank disebabkan ia mempunyai sebarang aduan terhadap mana-mana peniaga atau pembekal. Jika Pemegang Kad berhasrat untuk memulangkan sebarang barang atau membatalkan perkhidmatan yang diperolehi terhadap Kad, semua bayaran balik mestilah melalui nota kredit yang dikeluarkan oleh peniaga atau pembekal kepada Bank. Setelah menerima nota kredit, Bank akan mengkreditkan pembayaran balik ke Akaun Kad Pemegang Kad. Bayaran balik tunai tidak dibenarkan.
- 34.2 Bank juga tidak bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung atau sebarang rasa malu atau kesulitan yang dialami oleh Pemegang Kad jika Kad tidak diterima untuk pendahuluan tunai, Kad ditolak oleh mana-mana ATM, Kad tidak diperbaharui, dihadkan, dibatalkan, atau had kreditnya dikurangkan, atau jika Bank bertindak dengan munasabah untuk melindungi haknya di bawah dan dalam terma-terma dan syarat-syarat ini, melainkan disebabkan secara langsung kecuai melampau atau keingkaran sengaja Bank.
- 34.3 Bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara untuk sebarang kerugian atau ganti rugi yang diakibatkan kepada Pemegang Kad, oleh VISA dan/atau MCI dan/atau anggota institusinya. Pemegang Kad hendaklah mengendalikan sebarang tuntutan terhadap atau pertikaian dengan VISA dan/atau MCI dan/atau anggota institusinya secara langsung dengan entiti tersebut. Jika tuntutan atau pertikaian tersebut timbul, Pemegang Kad tidak boleh menahan sebarang pembayaran kepada Bank di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini.

Pindaan

- 35.1 Bank boleh mengubah (sama ada dengan mengubahsuai, menambah, membatalkan atau sebaliknya meminda) ("**Pindaan**") sebarang terma-terma dan syarat-syarat ini dengan memberikan kepada Pemegang Kad sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum Pindaan menjadi berkuat kuasa. Notis Pindaan atau sebarang komunikasi atau notis lain kepada Pemegang Kad boleh dibuat melalui salah satu cara berikut:-
- (a) melalui penghantaran kurier atau serahan tangan kepada Pemegang Kad; dan/atau
 - (b) dengan memapar notis di premis Bank; dan/atau
 - (c) dengan penerbitan dalam satu atau lebih surat khabar pilihan Bank; dan/atau
 - (d) dengan memasukkan notis dalam Penyata yang dihantar kepada Pemegang Kad; dan/atau
 - (e) melalui pos biasa atau berdaftar kepada Pemegang Kad; dan/atau
 - (f) melalui SMS atau mel elektronik atau rakaman suara kepada Pemegang Kad atau dengan menyiarkan notis di laman web Bank.
- Notis yang dihantar mengikut cara yang dijelaskan di atas dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad dengan cara yang sama yang diperuntukkan dalam Klausa 17. Pindaan akan terpakai pada tarikh berkuat kuasa yang ditentukan oleh Bank dan hendaklah terpakai bagi semua baki tertunggak dalam Akaun Kad. Pemegang Kad boleh membatalkan kad menurut Klausa 18.3 jika Pemegang Kad tidak bersetuju dengan Pindaan. Dengan menyimpan Kad dan/atau menggunakan Kad selepas tarikh berkuat kuasa Pindaan, Pemegang Kad dianggap telah menerima Pindaan tanpa rizab.
- 35.2 Terma-terma dan syarat-syarat ini (dan Pindaannya) adalah dimaksudkan sebagai kenyataan lengkap semua terma-terma kontrak berkenaan dengan perkara yang berkaitan dengan penggunaan Kad dan menggantikan sebarang perjanjian dan pemahaman sebelumnya antara Bank dengan Pemegang Kad.

Kebolehasingan dan Ketidaksahan

- 36.1 Jika mana-mana peruntukan terma dan syarat ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang, peruntukan yang selebihnya hendaklah tetap sah dan boleh dikuatkuasakan dan tidak akan dengan apa-apa cara jua menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan.

Pendedahan

37

- (a) Pemegang Kad bersetuju, membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan apa-apa maklumat berkenaan dengan Pemegang Kad, hal ehwal Pemegang Kad dan/atau sebarang akaun yang dikekalkan oleh Pemegang Kad dengan Bank kepada:

- ejen, penyedia perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang dan penasihat profesionalnya di dalam atau di luar Malaysia;
- entiti-entiti dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegang muktamad Bank ("**Syarikat Kumpulan**") sama ada Syarikat Kumpulan sedemikian bermastautin, berada, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia,
- mana-mana orang yang telah menjamin atau boleh menjamin atau sebaliknya telah menyediakan cagaran atau boleh menyediakan cagaran untuk penggunaan Kad;
- biro kredit yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, dan mana-mana badan kawal selia atau pihak berkuasa lain di mana Bank dikehendaki untuk membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
- mana-mana orang yang membantu Bank dalam memulihkan apa-apa wang yang kena dibayar oleh Pemegang Kad (termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi pemungut hutang, pekerja dan ejennya);
- mana-mana peniaga, dan mana-mana anggota institusi MCI dan/atau Visa dan/atau mana-mana orang atau entiti lain yang mempunyai kepentingan sah dengan Pemegang Kad;

untuk memudahkan perniagaan, operasi, penyediaan Kad/kemudahan dan pelaksanaan kontrak, perkhidmatan oleh atau yang diberikan atau disediakan oleh Bank dan/atau Syarikat Kumpulan kepada Pemegang Kad, dan juga kepada:

- mana-mana tribunal, mahkamah, agensi atau badan Kerajaan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan di mana Bank dikehendaki untuk membuat pendedahan atau mempunyai bidang kuasa ke atas Bank sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mematuhi sebarang perintah, tuntutan, permintaan atau syarat pelaporan atau untuk tujuan litigasi atau litigasi berpotensi yang melibatkan Bank apabila dan bila diperlukan atau diminta berbuat demikian dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa;
- mana-mana penerima pindahan atau pemegang serah hak berpotensi yang dengannya Bank sedang merundingkan pemindahan, penyerahhak dan novasi hak atau kewajipan di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini;
- mana-mana syarikat dan/atau organisasi yang membantu atau memudahkan pemprosesan dan/atau pemenuhan transaksi atau arahan yang diminta dan/atau diberikan oleh Pemegang Kad kepada Bank; dan
- pihak ketiga sedemikian dan untuk tujuan seperti yang dikenal pasti dalam Notis Privasi Kumpulan CIMB di bawah tajuk 'Pendedahan Maklumat Peribadi Anda' dan 'Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi Anda' masing-masing.

Pemegang Kad bersetuju bahawa kebenaran yang diberikan di atas tidak boleh ditarik balik jika pendedahan maklumat Pemegang Kad tersebut adalah perlu untuk penyediaan Kad dan/atau perkhidmatan berkaitan atau

pelaksanaan kontrak dengan Pemegang Kad untuk mematuhi syarat kontrak atau untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang.

Pendedahan oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) juga mungkin bagi tujuan jualan silang Bank dan/atau Syarikat Kumpulan dengan syarat bahawa **pendedahan bagi tujuan jualan silang tidak akan dilakukan jika pendedahan sedemikian dibantah oleh Pemegang Kad.**

Bank juga boleh mendedahkan maklumat Pemegang Kad seperti nama dan butiran perhubungan (tidak termasuk hal ehwal atau akaun Pemegang Kad) kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi jika kebenaran daripada Pemegang Kad telah diperolehi.

Walau bagaimanapun, Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menarik balik kebenaran untuk pendedahan maklumat yang disebutkan di atas oleh Bank kepada Kumpulan Syarikat (dalam Malaysia) dan kepada rakan kongsi perniagaan pihak ketiga dan rakan kongsi pakatan strategik untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari semasa ke semasa melalui notis kepada Pemegang Kad): Unit Resolusi Pelanggan (CRU). Peti Surat 10338 Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan; No. Pusat Panggilan +603 6204 7788, e-mel: contactus@cimb.com.

- (b) Pemegang Kad juga memberikan kuasa kepada Bank untuk mendedahkan, menerbitkan atau membuat rekod data peribadi Pemegang Kad dan apa-apa maklumat lain mengenai Pemegang Kad yang mungkin disimpan oleh Bank untuk tujuan-tujuan berikut:
- membuat laporan (termasuk laporan Polis) dan/atau mengeluarkan pekeliling dan/atau memasukkan iklan atau menyiarkan atau memaparkan notis (termasuk sebarang iklan di mana-mana media) yang menggabungkan mana-mana atau kesemua butir-butir peribadi Pemegang Kad, butir-butir akaun yang berkaitan dengan Kad (termasuk tetapi tidak terhad kepada akaun dan status kewangan Pemegang Kad) yang dianggap perlu oleh Bank untuk tujuan memulihkan sebarang wang yang terhutang oleh Pemegang Kad;
 - untuk memeriksa kedudukan kredit pemohon bagi Kad dan/atau butir-butir peribadi, urusan dan kedudukan kredit Pemegang Kad dengan mana-mana syarikat, individu, agensi, institusi kewangan atau badan-badan lain dan untuk mendapat daripada mereka maklumat yang diperlukan oleh Bank, sama ada melalui komunikasi lisan atau melalui dokumen; dan
 - untuk mendedahkan kepada Pemegang Kad utama dan/atau Tambahan sebarang maklumat berkenaan kedudukan kredit seorang pemohon bagi Kad dan/atau maklumat peribadi, urusan dan kedudukan kredit Pemegang Kad dan sebarang maklumat yang dianggap wajar oleh Bank mengenai semua akaun Pemegang Kad dengan Bank.

Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan atau rasa malu yang dialami oleh Pemegang Kad yang timbul daripada pendedahan, walaupun maklumat itu tidak benar melainkan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja Bank.

- (c) Pemegang Kad dengan ini bersetuju dan dengan nyata memberi kuasa dan mempelawa pekerja, kontraktor bebas, wakil dan/atau ejen Bank untuk menghubungi Pemegang Kad dari semasa ke semasa melalui lawatan peribadi atau komunikasi lisan yang dilaksanakan melalui sebarang bentuk komunikasi termasuk tetapi tidak terhad kepada panggilan telefon tentang sebarang promosi.
- (d) Di samping hak Bank di bawah sub-klausula 37(c) di atas, Bank diberi kuasa untuk menghubungi dan/atau memaklumkan Pemegang Kad melalui pos dan/atau mel elektronik dan/atau telefon dan/atau khidmat pesanan ringkas (SMS) dan/atau perkhidmatan kurier dan/atau sebarang cara komunikasi munasabah lain yang dipilih oleh Bank berdasarkan alamat mel, alamat e-mel, nombor telefon dan/atau sebarang butir-butir hubungan lain sedia ada Pemegang Kad yang dideposit atau direkodkan dengan Bank. Maklumat atau pemberitahuan yang dihantar oleh Bank hendaklah mengandungi maklumat atau pemberitahuan sedemikian yang dianggap sesuai atau perlu oleh Bank dan mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang maklumat berhubung dengan Kad dan/atau Akaun Lain Pemegang Kad dan/atau akaun MCI dan/atau Visa dan/atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengan sebarang perkhidmatan, faedah, promosi, program Bank dan/atau mana-mana pihak lain yang diadakan bersama atau bersempena dengan Bank.

Dokumen Lanjut

- 38.1 Pemegang Kad bersetuju untuk menandatangani semua dokumen tambahan atau jaminan untuk dengan lebih baik menjamin kedudukan Bank jika diminta oleh Bank.

Penyampaian Proses Mahkamah dan Pertukaran Butiran

- 39.1 Penyampaian sebarang proses mahkamah atau penghantaran cek, draf bank, perintah juruwang atau Kad atau sebarang dokumen atau barang lain boleh juga dijalankan melalui pos biasa atau secara serahan tangan atau melalui perkhidmatan kurier ke alamat mel Pemegang Kad yang terakhir diketahui dalam rekod Bank. Dokumen hendaklah dianggap diterima tujuh (7) hari kalendar selepas pengeposan jika ia dihantar melalui pos dan pada masa penghantaran, jika dihantar melalui serahan tangan atau kurier. Penyampaian proses mahkamah juga boleh dijalankan dalam mana-mana cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang.

Perakuan Bukti Konkusif

- 40.1 Sebarang perakuan, notis atau tuntutan yang ditandatangani bagi pihak Bank oleh mana-mana pegawai bank atau mana-mana peguam atau firma undang-undang yang bertindak bagi Bank berhubung dengan sebarang perkara yang berkenaan dengan Kad, termasuk jumlah yang kena dibayar dan terhutang kepada Bank, hendaklah menjadi bukti konklusif terhadap Pemegang Kad untuk semua tujuan (termasuk prosiding undang-undang), melainkan terdapat kesilapan jelas.

Pembatalan / Penangguhan Disebabkan Keganasan atau Perubahan dalam Keadaan Lain

- 41.1 Sebagai tambahan, Bank juga boleh:-

- (a) menggantungkan Kad; dan/atau
- (b) membatalkan Kad; dan/atau
- (c) mengisytiharkan bahawa semua atau mana-mana prinsipal, faedah dan jumlah lain yang tertunggak di bawah Kad (sama ada kini, masa depan, sebenar atau kontinjen) akan segera menjadi kena dibayar dan boleh dibayar

jika terdapat perubahan keadaan atau sebarang peristiwa atau siri peristiwa (termasuk tindakan ganas, keganasan, permusuhan atau peperangan, darurat kebangsaan, penetangan, revolusi, pemberontakan, perampasan kuasa atau lain-lain bencana) berlaku di dalam atau di luar Malaysia yang pada pendapat Bank:-

- (i) menjadikannya lebih berisiko, lebih mahal atau lebih sukar bagi Bank untuk terus menyediakan Kad untuk kegunaan Pemegang Kad atau mematuhi kewajibannya di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini; atau
- (ii) boleh menjejaskan keupayaan atau kesanggupan Pemegang Kad untuk mematuhi terma-terma dan syarat-syarat ini atau menjadikannya tidak mungkin bahawa Pemegang Kad dapat atau sanggup berbuat demikian.

Akaun Digantung

- 42.1 Untuk memastikan bahawa Bank dapat menuntut jumlah penuh hutang yang kena dibayar kepadanya, Bank boleh meletakkan sebarang wang yang diterima, didapatkan atau direalisasikan dalam akaun berasingan bagi Pemegang Kad tanpa sebarang kewajipan untuk menggunakannya untuk menunaikan semua atau mana-mana bahagian hutang yang terhutang kepada Bank.

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

- 43.1 Bagi keperluan kaunseling kewangan, Pemegang Kad digalakkan untuk mendekati AKPK yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma ke atas pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. AKPK boleh dihubungi di +603 2616 7766 atau Pemegang Kad boleh melayari laman web mereka di www.akpk.org.my untuk maklumat lanjut mengenai kaunseling kewangan.

Pelantikan Ejen

- 44.1 Bank boleh melantik mana-mana ejen yang difikirkannya sesuai untuk mengutip wang yang terhutang oleh Pemegang Kad selepas memberikan kepada Pemegang Kad notis tujuh (7) hari kalendar. Bank juga akan memaklumkan kepada Pemegang Kad mengenai nama dan butiran perhubungan ejen pihak ketiga yang dilantik atau pihak ketiga yang Bank telah sumber luar untuk pengutipan.
- 44.2 Bank hendaklah berhak pada bila-bila masa untuk menjual, memindahkan atau menyerahkan semua atau mana-mana bahagian hak, hakmilik, faedah, manfaat dan kewajipannya di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini termasuk tetapi tidak terhad kepada hak untuk menjual jumlah tertunggak di bawah Akaun Kad kepada mana-mana pihak lain dengan menyediakan Pemegang Kad notis terdahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar.

Pengganti

- 45.1 Terma-terma dan syarat-syarat ini mengikat ke atas waris, wakil diri, harta pusaka, dan pengganti hakmilik Pemegang Kad dan pengganti hakmilik dan pemegang serah hak Bank.

Penyusunan Semula Bank

- 46.1 Kewajipan dan liabiliti Pemegang Kad akan diteruskan walaupun selepas apa-apa penyatuan, penyusunan semula atau perubahan dalam atau pembentukan Bank.

Masa Merupakan Perkara Mustahak

- 47.1 Masa di mana jua disebutkan hendaklah merupakan perkara mustahak dalam terma-terma dan syarat-syarat ini.

Undang-Undang yang Terpakai, Bidang Kuasa dan Syariah

- 48.1 Terma-terma dan syarat-syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian yang timbul daripadanya hendaklah didengar oleh Mahkamah Malaysia.
- 48.2 Terma-terma dan syarat-syarat ini adalah bertujuan untuk menjadi patuh Syariah sepenuhnya. Pemegang Kad dan Bank bersetuju bahawa hak dan kewajipan masing-masing di sini adalah dimaksudkan untuk menjadi dan tertakluk kepada dan mematuhi Syariah (sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia). Pemegang Kad juga bersetuju bahawa Kad tidak akan digunakan untuk transaksi yang tidak mematuhi Syariah. Walau bagaimanapun, jika Kad digunakan untuk sebarang transaksi dengan mana-mana peniaga yang tidak mematuhi Syariah, Bank dibenarkan untuk menunaikan transaksi berdasarkan prinsip Syariah 'Umum Balwa'. 'Umum Balwa' merujuk kepada situasi meluas yang tidak menggalakkan yang mempengaruhi kebanyakan orang atau unsur terlarang mempengaruhi kebanyakan orang dan sukar dielakkan.
- 48.3 Jika Kad digunakan oleh Pemegang Kad untuk membeli atau menggunakan barangan dan perkhidmatan bukan Halal, ia adalah tanggungjawab Pemegang Kad sendiri dan ia adalah di luar akauntabiliti Bank. Bank juga berhak untuk menamatkan Kad dengan serta-merta tanpa notis terdahulu atau liabiliti kepada Pemegang Kad jika Kad didapati digunakan untuk transaksi yang tidak mematuhi Syariah.

Pengecualian Tanggungan

- 49.1 Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Kad ke atas sebarang kerugian (termasuk sebarang kehilangan fi yang dikenakan, perbelanjaan yang ditanggung, kehilangan kontrak atau keuntungan atau kerugian turutan lain, sama ada langsung atau tidak langsung) walau bagaimanapun dialami (melainkan mereka timbul daripada dan disebabkan langsung oleh kecuai melampau atau keingkaran sengaja Bank) berhubung dengan penggunaan Kad Pemegang Kad termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan atau kerugian yang ditanggung berkenaan dengan apa-apa kenyataan, representasi atau implikasi yang berkaitan dengan atau yang timbul daripada apa-apa pembaharuan yang tidak dilakukan atau pembatalan Kad atau apa-apa pembatalan, penggantungan atau sekatan penggunaan Kad oleh Pemegang Kad.

Penggantian Perjanjian

- 50.1 Semua perjanjian atau pengaturan terdahulu, jika ada, yang dibuat di antara Bank dengan Pemegang Kad, sama ada secara bertulis atau lisan, dibatalkan dan digantikan oleh terma-terma dan syarat-syarat ini.

Penerbitan Perjanjian ini di Laman Web Bank

- 51.1 Terma-terma dan syarat-syarat ini diterbitkan di laman web Bank **www.cimb.com.my** (atau laman web lain yang Bank memaklumkan kepada Pemegang Kad dari semasa ke semasa dengan memberikan notis yang mencukupi). Jika Bank meminda mana-mana terma-terma dan syarat-syarat ini, versi yang dipinda dan dikemas kini akan diterbitkan di laman web Bank.

Aduan

- 52.1 Jika anda mempunyai sebarang maklumbalas dan/atau aduan sila hubungi Unit Resolusi Pelanggan ("CRU") Bank. Mereka boleh dihubungi di butir-butir perhubungan di bawah:-

Unit Resolusi Pelanggan (CRU) Peti Surat 10338 Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur 50710 Wilayah Persekutuan
Tel: +603 6204 7788
e-mel address: contactus@cimb.com

Klausa Privasi

- 53.1 Pemegang Kad mengesahkan bahawa beliau telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di **www.cimb.com.my**) dan klausa-klausa di dalam ini, yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pemegang Kad. Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang

Kad bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai digabungkan di dalam terma-terma dan syarat-syarat ini secara rujukan.

- 53.2 Sekiranya Pemegang Kad memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris terdekat dan tanggungan Pemegang Kad (jika Pemegang Kad adalah individu) atau maklumat yang berhubung dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu dan penyedia sekuriti Pemegang Kad (jika Pemegang Kad adalah perbadanan), untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun/kemudahan Pemegang Kad dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pemegang Kad (a) mengesahkan bahawa beliau telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya layak untuk memberikan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya mengikut terma-terma dan syarat-syarat ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk memberi kemas kini kepada Bank secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan yang material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju akan hak Bank untuk menamatkan terma-terma dan syarat-syarat ini sekiranya persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut.
- 53.3 Di mana Pemegang Kad mengarahkan Bank untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima bayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi merentas sempadan (termasuk maklumat yang berkaitan dengan sesiapa yang terlibat di dalam transaksi tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia mungkin boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan tanggungjawab sah mereka (contohnya, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk melakukan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak Pemegang Kad, Pemegang Kad bersetuju akan pendedahan yang disebutkan di atas bagi pihak Pemegang Kad dan orang lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.
- 53.4 Bank boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa kini dan/atau pada masa depan melakukan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan laporan/rujukan kredit dengan agensi-agensi laporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, Perkhidmatan Maklumat Kewangan (FIS) dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan Bank untuk memastikan status Pemegang Kad seperti yang mungkin diperlukan untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu (a) memeriksa butiran mengenai permohonan kemudahan kredit dan berkaitan dengan kredit atau yang lain; (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit dan berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan portfolio Pemegang Kad; mendapatkan semula hutang; dan/atau sebarang tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan akaun/kemudahan di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini. Pemegang Kad akan dikaitkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang Pemegang Kad gunakan atau telah gunakan, dan sebagai pemohon bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Pemegang Kad dan bagaimana Pemegang Kad menguruskan akaun/kemudahan Pemegang Kad dengan agensi-agensi laporan/rujukan kredit yang

berkenaan, dan bagi mana-mana agensi-agensi laporan/rujukan kredit ini untuk mendedahkan informasi kredit anda kepada pelanggannya untuk tujuan pengesanan penipuan dan pencegahan penipuan.

- 53.5 Meskipun selepas Pemegang Kad telah memberikan kepada Bank sebarang maklumat, Pemegang Kad masih mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini, melainkan di mana pendedahan maklumat Pemegang Kad sedemikian adalah diperlukan untuk penyediaan Kad dan/atau perkhidmatan berkaitan atau pelaksanaan kontrak dengan Pemegang Kad untuk mematuhi syarat kontrak atau untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang.
- 53.6 Untuk tujuan Klausula 53 ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan kawal selia lain, tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai merujuk kepada Kumpulan CIMB.
- 53.7 Klausula 53 ini hendaklah tanpa prejudis kepada mana-mana peruntukan klausula lain di dalam terma-terma dan syarat-syarat ini yang memberikan pendedahan maklumat.

Cukai

- 54.1 Selepas pengaktifan mana-mana Kad Utama dan Tambahan dan setiap ulang tahun Kad Utama and Tambahan tanpa mengira status pengaktifan Kad Kredit tersebut, setiap Kad akan dikenakan cukai perkhidmatan semasa seperti yang didedahkan di www.cimb.com.my dan Lembaran Pendedahan Produk (LPP) Bank untuk Kad.

Semua fi dan caj yang dinyatakan di sini adalah inklusif cukai perkhidmatan yang mana Pemegang Kad akan bertanggungjawab dan Bank diberi kuasa untuk mendebitkan ini daripada Akaun Kad Pemegang Kad.

Tanggung Rugi

- 55.1 Pemegang Kad bersetuju untuk menanggung rugi Bank terhadap apa-apa kerugian, kos, kerosakan, perbelanjaan, tuntutan atau permintaan (termasuk perbelanjaan guaman di atas dasar peguamcara dan anak guam dan dasar tanggung rugi penuh yang ditanggung oleh Bank dalam menguatkuasakan haknya di bawah terma dan syarat ini) di mana Bank mungkin tanggung yang timbul daripada:-
- (a) kegagalan Pemegang Kad untuk mematuhi mana-mana terma dan syarat termasuk kemungkiran terhadap mana-mana kewajipan Pemegang Kad kepada Bank; dan/atau
 - (b) Pelanggaran Undang-undang dan Peraturan oleh Pemegang Kad [seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 4A(a)] yang termasuk undang-undang pertukaran asing dan peraturan lain oleh Bank Negara Malaysia yang berhubung dengan penggunaan Kad; dan/atau
 - (c) menyediakan Perkhidmatan Autobil dan sebarang perkhidmatan berkaitan Kad atau bertindak ke atas arahan secara lisan, faks atau arahan lain secara elektronik atau telekomunikasi untuk Pemegang Kad, melainkan Pemegang Kad menunjukkan kerugian, kos, kerosakan, perbelanjaan, tuntutan atau permintaan sedemikian yang disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.

JADUAL SATU

(yang akan diambil dan ditafsirkan sebagai bahagian penting dalam terma-terma dan syarat-syarat ini)

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI KAD KREDIT CIMB PLATINUM-I, KAD KREDIT CIMB PETRONAS PLATINUM-I, KAD KREDIT CIMB PETRONAS VISA PLATINUM-I, KAD KREDIT CIMB PETRONAS VISA INFINITE-I DAN KAD KREDIT CIMB PREFERRED VISA INFINITE-I

(Dirujuk di Seksyen 6)

A. TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT TAKAFUL KEMALANGAN PERIBADI PERJALANAN PENERBANGAN UDARA

Notis Penting

Bank telah secara percuma mendapatkan perlindungan Takaful untuk manfaat Pemegang Kad CIMB. Tiada pembayaran telah dibuat oleh Pemegang Kad kepada CIMB. Walau bagaimanapun, ia tidak akan dalam mana-mana

cara mewujudkan apa-apa hubungan undang-undang antara CIMB Islamic Bank Berhad (pemegang Sijil) dan Pemegang Kad.

Pemegang Sijil tidak akan dikenakan apa-apa liabiliti jua terhadap Pemegang Kad bagi apa-apa perkara yang berkaitan dengan perlindungan Takaful ini, sama ada disebabkan oleh apa-apa yang dilakukan atau tidak dilakukan oleh pemegang Sijil atau mana-mana pekerja, kakitangan atau ejennya berhubung dengan perlindungan Takaful atau Sijil Induk yang berkenaan. Pemegang Sijil juga tidak menerima apa-apa tanggungjawab dan tidak memberi apa-apa jaminan mengenai kesahihan Sijil Induk atau berkaitan dengan hak Peserta atau mana-mana orang di bawahnya. Setiap Pemegang Kad dianggap telah menerima kandungan Sijil Induk dan terikat dengan terma-termannya.

Semua pihak menuntut hendaklah mematuhi kandungan Sijil Induk agar tidak memprejudiskan sebarang tuntutan di bawahnya. Tiada pihak menuntut akan mempunyai apa-apa hak bertindak atau mengambil tindakan terhadap pemegang Sijil.

Takaful ini adalah untuk manfaat Pemegang Kad CIMB Islamic Bank (Peserta) di bawah Sijil Induk yang dikeluarkan oleh Takaful Ikhlas General Berhad ("TIGB") kepada CIMB Islamic Bank Berhad (pemegang Sijil), sesalinan yang boleh didapati untuk semakan di pejabat TIGB di **Takaful Ikhlas General Berhad**, IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi 59200, Kuala Lumpur. (Tel: +603-2723 9696 Faks: +603-2723 9998) atau di laman webnya.

Terma – terma dan syarat - syarat ini adalah cabutan dan tertakluk kepada kandungan Sijil Induk. Apa-apa perubahan, pindaan atau pengendorsan (termasuk pembatalan) Sijil Induk hendaklah mengikat Pemegang Kad selepas notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar diberikan oleh TIGB.

Definisi Perkataan-Perkataan

1. Orang Yang Dilindungi hendaklah bermaksud:

1.1 Di bawah Seksyen I & II - Pemegang Kad atau mana-mana Ahli Keluarga sebagaimana yang ditakrifkan di sini.

1.2 Pemegang Kad hendaklah bermaksud:

- Pemegang Kad yang sah, aktif dan belum tamat tempoh Kad tersebut yang dikeluarkan oleh Pemegang Sijil di Malaysia yang belum mencapai umur enam puluh lima (65) tahun.
- dan sesiapa sewaktu tuntutan atau kerugian yang dilindungi masih Pemegang Kad 'bona fide' dan Akaun Kadnya dibil dari Malaysia.
- Pemegang Kad untuk tujuan Sijil ini tidak termasuk Pemegang Kad Tunggakan.
- Pemegang Kad Tunggakan hendaklah bermaksud Pemegang-Pemegang Kad yang tidak membuat apa-apa bayaran untuk pembelian melalui kad kredit mereka dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh kena dibayar seperti yang dinyatakan dalam kenyataan akaun yang dikeluarkan oleh Pemegang Sijil.

1.3 Ahli-Ahli Keluarga hendaklah bermaksud seperti berikut:

- (a) pasangan Pemegang Kad yang berkahwin secara sah di sisi undang-undang dan tidak berpisah atau bercerai secara sah di sisi undang-undang daripada Pemegang Kad dan belum mencapai umur enam puluh lima (65) tahun; dan
- (b) kesemua anak-anak Pemegang Kad yang sah di sisi undang-undang yang bergantung kepada Pemegang Kad dan telah mencapai umur satu (1) bulan tetapi belum mencapai umur dua puluh lima (25) tahun dan tidak bekerja dan belum berkahwin, dengan syarat bahawa kesemua anak tersebut tinggal bersama Pemegang Kad dan di Negara Kediaman Pemegang Kad tetapi keadaan ini tidak bertujuan untuk mengecualikan anak-anak Pemegang Kad yang belajar sepenuh masa atau sambilan.

2. Penerbangan Berjadual hendaklah bermaksud penerbangan melalui pesawat yang layak terbang di mana syarikat penerbangan disenaraikan dalam Panduan Penerbangan rasmi atau Panduan ABC World Airways dan Pengangkut udara adalah pemegang sijil, lesen atau kebenaran yang bersamaan untuk pengangkutan udara berjadual yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa di mana pesawat dioperasikan dan didaftarkan dan menurut kebenaran tersebut, mengekalkan dan menerbitkan jadual dan tarif bagi perkhidmatan penumpang di antara lapangan terbang yang dinamakan pada waktu biasa dan spesifik.

Penerbangan Berjadual mestilah berterusan dan berlanjutan mengikut laluan dan pada masa seperti mana yang diterbitkan dalam Panduan ABC World Airways yang dipinda dari semasa ke semasa.

Waktu berlepas, pemindahan dan destinasi hendaklah ditunjukkan dengan merujuk kepada tiket Penerbangan Berjadual Orang Yang Dilindungi.

3. Pengangkutan Awam hendaklah bermaksud mana-mana pengangkutan darat atau air, yang mempunyai lesen untuk pengangkutan penumpang tambang berbayar dan hendaklah termasuk Penerbangan Berjadual sebagaimana yang ditakrifkan di sini tetapi tidak termasuk mana-mana kereta yang disewa atau kereta sewa atau apa-apa pengangkutan yang dikendalikan untuk tujuan hiburan.

SEKSYEN I – KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL

Operasi Bagi Perlindungan Takaful

Sebarang faktor luar jangkaan yang melayakkan Perlindungan Takaful ini adalah berkaitan dengan apa-apa Kecelakaan yang dialami atau kematian yang berlaku semasa perjalanan satu hala atau dua hala yang diambil oleh Orang Yang Dilindungi di antara pelepasan dan ke destinasi pada atau selepas tarikh pembelian tiket; jika tambang penuh dan jumlah bagi perjalanan itu telah dicaj sepenuhnya terlebih dahulu di bawah kod kategori pedagang (MCC) 3000 ke 3299 (Penerbangan) atau 4511 (Pengangkut Udara, Penerbangan) ke kad yang diselenggarakan oleh Pemegang Kad dengan Pemegang Sijil di bawah keadaan-keadaan yang dinyatakan seperti berikut:

- 1.1 semasa menumpang sebagai penumpang tambang berbayar dan bukan sebagai juruterbang atau anak kapal, semasa naik atau turun dari pesawat Pengangkut berjadual atau kemalangan yang diakibatkan oleh Pengangkutan Awam.
- 1.2 semasa menumpang sebagai penumpang tambang berbayar dalam Pengangkutan Awam, tetapi hanya
 - (a) dalam perjalanan langsung yang berterusan ke lapangan terbang untuk tujuan menaiki kapal terbang melalui Penerbangan Berjadual; atau
 - (b) apabila di terminal lapangan terbang itu sendiri; atau
 - (c) apabila meninggalkan lapangan terbang selepas turun dari kapal terbang melalui Penerbangan Berjadual sehingga sampai ke destinasi akhir mereka.

JADUAL FAEDAH-FAEDAH

(A) Perlindungan Kemalangan Semasa Penerbangan dan Perjalanan Sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami kecederaan anggota badan seperti yang dinyatakan, TIGB hendaklah membayar pampasan seperti berikut:

Kecelakaan anggota badan yang mengakibatkan sepenuhnya dan berasingan atau sebab-sebab lain dalam	Platinum (RM) Jumlah Perlindungan
Kehilangan nyawa	1,000,000
Hilang kedua-dua belah tangan dan kedua-dua belah kaki	1,000,000
Hilang sebelah tangan dan/atau sebelah kaki	1,000,000
Hilang keseluruhan penglihatan kedua-dua belah mata	1,000,000
Hilang keseluruhan sebelah mata	1,000,000
Hilang keseluruhan penglihatan sebelah mata dan sebelah tangan atau sebelah kaki	1,000,000

Nota: Jumlah maksimum bagi semua kerugian yang dibayar kepada mana-mana Orang Yang Dilindungi adalah terhad sehingga 100% daripada jumlah faedah seperti yang dinyatakan di bawah Jadual Faedah-Faedah.

Bagi anak-anak Pemegang Kad yang sah di sisi undang-undang, jumlah faedah yang kena dibayar adalah terhad sehingga 10% daripada jumlah faedah yang kena dibayar bagi anak-anak yang bergantung kepada Pemegang Kad di bawah umur lapan belas (18) tahun. Anak-anak Pemegang Kad yang sah di sisi undang-undang yang bergantung kepada Pemegang Kad berusia antara sembilan belas (19) hingga dua puluh lima (25) tahun adalah berhak untuk jumlah penuh faedah.

Tiada peristiwa di mana pendua kad atau kad pelbagai yang dikeluarkan oleh Pemegang Sijil kepada Orang Yang Dilindungi yang sama mewajibkan TIGB membayar kepada Orang Yang Dilindungi tersebut melebihi had yang dinyatakan dalam Jadual Faedah-Faedah untuk mana-mana tuntutan akibat mana-mana satu Kemalangan yang dilindungi oleh Seksyen ini.

Pendedahan dan Kehilangan

Apabila disebabkan oleh suatu Kemalangan yang dilindungi oleh Sijil ini, Orang Yang Dilindungi tidak dapat mengelakkan daripada terdedah kepada unsur-unsur semulajadi dan akibat pendedahan tersebut, mengalami kerugian di mana faedah perlu dibayar, kerugian itu adalah dilindungi di bawah syarat-syarat Sijil ini.

Jika anggota badan Orang Yang Dilindungi tidak dijumpai dalam tempoh satu (1) tahun dari kehilangan, penenggelaman atau kemusnahan Pengangkut itu di mana Orang Yang Dilindungi berada dalam perjalanan sewaktu Kemalangan tersebut, ia akan dianggap tertakluk kepada terma-terma Sijil ini, bahawa Orang Yang Dilindungi mengalami kehilangan nyawa akibat daripada Kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh Kemalangan pada masa kehilangan, penenggelaman atau kemusnahan Pengangkut tersebut.

Kematian Orang Yang Dilindungi hendaklah dibuktikan dengan Sijil Kematian Rasmi, atau dalam kes kehilangan berikutan Kemalangan atau kemusnahan keseluruhan Pengangkut oleh Mahkamah yang menganggap satu kematian.

Jika pada bila-bila masa selepas pembayaran telah dibuat oleh TIGB untuk tuntutan itu, Orang Yang Dilindungi didapati hidup, Orang Yang Dilindungi hendaklah membuat bayaran balik sepenuhnya kepada TIGB.

Had Liabiliti

(a) Liabiliti agregat maksimum TIGB adalah RM6,000,000 untuk mana-mana satu Kemalangan. Sekiranya Kemalangan melibatkan lebih dari satu Orang Yang Dilindungi dan sekiranya had tanggung rugi adalah tidak cukup

untuk membayar amaun tanggung rugi sepenuhnya untuk setiap Orang Yang Dilindungi, amaun yang perlu dibayar untuk setiap Orang Yang Dilindungi akan di proratakan.

SEKSYEN II – FAEDAH KESULITAN SEMASA PENERBANGAN

Operasi bagi Perlindungan Takaful

1. Perlindungan Takaful bagi Orang Yang Dilindungi hendaklah beroperasi hanya apabila dia melakukan perjalanan semasa Tempoh Takaful dalam Penerbangan Berjadual sebagai penumpang tambang berbayar dan apabila keseluruhan tambang bagi perjalanan Penerbangan Berjadual itu telah dicaj sepenuhnya terlebih dahulu di bawah kod kategori pedagang (MCC) 3000 ke 3299 (Penerbangan) atau 4511 (Pengangkut Udara, Penerbangan) ke kad yang diselenggarakan oleh Pemegang Kad dengan Pemegang Sijil.

2. JADUAL FAEDAH-FAEDAH

2.1. Kelewatan Penerbangan

Jika Penerbangan Berjadual yang sah Orang Yang Dilindungi adalah lewat dan tiada pengangkutan alternatif disediakan kepada Orang Yang Dilindungi dalam tempoh empat (4) jam dari masa berlepas yang sebenar Penerbangan Berjadual, TIGB akan membayar ganti rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang perlu dan munasabah ditanggung untuk penginapan Hotel dan makanan dan minuman di restoran, sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah-Faedah dengan syarat bahawa Orang Yang Dilindungi berada di lapangan terbang pada masa kelewatan penerbangan itu.

Platinum
Sehingga RM1,000
Had setiap keluarga
RM2,000

2.2 Terlepas Penerbangan Bersambung

Jika Penerbangan Berjadual seterusnya yang sah Orang Yang Dilindungi adalah terlepas dari destinasi pemindahan disebabkan ketibaan lewat masuk penerbangan masuk Penerbangan Berjadual Orang Yang Dilindungi dan tiada pengangkutan alternatif berikutnya disediakan kepada Orang Yang Dilindungi dalam tempoh empat (4) jam dari waktu ketibaan sebenar penerbangan masuk, TIGB akan menanggung rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang perlu dan munasabah ditanggung untuk penginapan Hotel dan makanan atau minuman di restoran, sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah-Faedah tertakluk bahawa Orang Yang Dilindungi hendaklah berada di lapangan terbang pada masa terlepas penerbangan bersambung.

Platinum
Sehingga RM1,000
Had setiap keluarga
RM2,000

2.3 Kelewatan Bagasi Penerbangan Yang Diiringi

Jika bagasi penerbangan yang didaftar masuk bersama dengan Orang Yang Dilindungi tidak dihantar kepadanya dalam tempoh enam (6) jam dari waktu ketibaan sebenar Orang Yang Dilindungi itu di destinasi luar negara yang dijadualkan menurut Penerbangan Berjadual, TIGB akan menanggung rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang perlu dan munasabah ditanggung pada destinasi luar negara dijadualkan untuk pembelian kecemasan penggunaan pakaian dan kelengkapan mandian, sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah-Faedah, tertakluk bahawa bagasi tersebut telah didaftar masuk oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Pengangkut udara di mana Orang Yang Dilindungi adalah di dalam perjalanan pada masa berlakunya kejadian tersebut.

Platinum
Sehingga RM1,000
Had setiap keluarga
RM2,000

2.4 Kehilangan Bagasi Penerbangan Yang Diiringi

Jika bagasi penerbangan yang didaftar masuk bersama dengan Orang Yang Dilindungi tidak dihantar kepadanya dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam dari waktu ketibaan sebenar Orang Yang Dilindungi itu di destinasi luar negara yang dijadualkan menurut Penerbangan Berjadual, bagasi itu akan dianggap telah kekal hilang dan TIGB akan menanggung rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang perlu dan munasabah ditanggung dalam tempoh empat (4) hari pada destinasi Berjadual untuk pembelian kecemasan penggunaan pakaian dan kelengkapan mandian, sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah-Faedah, tertakluk bahawa bagasi tersebut yang dianggap hilang telah didaftar masuk oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Pengangkut udara di mana Orang Yang Dilindungi adalah di dalam perjalanan pada masa berlakunya kejadian tersebut.

Platinum
Sehingga RM1,000
Had setiap keluarga
RM2,000

Had Liabiliti

(a) Agregat liabiliti maximum TIGB adalah RM6,000,000 untuk mana-mana satu Kemalangan. Sekiranya Kemalangan melibatkan lebih dari satu Orang Yang Dilindungi dan had liabiliti adalah tidak cukup untuk membayar amaun indemniti penuh untuk setiap Orang Yang Dilindungi, oleh itu amaun yang kena dibayar untuk setiap Orang Yang Dilindungi akan diproratakan.

(b) Orang Yang Dilindungi hanya boleh membuat satu tuntutan samada untuk Kelewatan Bagasi Penerbangan atau Kehilangan Bagasi Penerbangan.

Pengecualian Am (Digunakan kepada Seluruhan Sijil)

Sijil ini tidak melindungi apa-apa tuntutan yang berkaitan dengan kecederaan, penyakit, kematian, kerosakan kepada harta, kehilangan, liabiliti, kos dan/atau perbelanjaan apa-apa jenis sebab yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung dan disebabkan oleh atau menyumbang kepada, atau yang timbul daripada yang berikut tanpa mengira apa-apa sebab atau peristiwa lain yang menyumbang secara serentak atau dalam mana-mana turutan lain kepada hal perkara tuntutan itu:

1. (i) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan peperangan (samada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, penentangan, revolusi, pemberontakkan, rampasan kuasa tentera atau awam; atau
- (ii) apa-apa tindakan keganasan termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - (a) penggunaan atau ancaman kuasa, keganasan dan/atau
 - (b) kemudaratan atau kerosakan kepada nyawa atau harta (atau ancaman kemudaratan atau kerosakan tersebut) termasuk, tetapi tidak terhad kepada sinaran nuklear dan/atau pencemaran oleh bahan kimia dan/atau ejen biologi, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan bersamaan, nyata atau sebaliknya, dan/atau untuk membuat orang awam atau mana-mana bahagian orang awam dalam ketakutan; atau
- (iii) apa-apa tindakan yang diambil dalam mengawal, mencegah, membanteras atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan (i) atau (ii) diatas;

Jika TIGB mengesahkan bahawa oleh sebab pengecualian ini, apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang tidak dilindungi oleh Sijil ini, beban membuktikan sebaliknya diletakkan di atas Orang Yang Dilindungi.

2. HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan/atau mana-mana HIV berkaitan termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau AIDS Berkaitan Kompleks (ARC) walaubagaimanapun disebabkan dan/atau mana-mana derivatif mutan, variasi atau rawatannya walau apa pun puncanya;
3. Rusuhan atau kekacauan awam, sekat masuk atau ancaman peristiwa itu;
4. (i) pancaran pengionan daripada atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada pembuangan nuklear dari pembakaran bahan api nuklear;
- (ii) radioaktif, toksik, bahan letupan atau bahan-bahan berbahaya atau pencemaran lain daripada apa-apa pemasangan, reaktor atau pemasangan nuklear atau komponen nuklear; dan/atau
- (iii) apa-apa senjata atom peperangan atau belahan nuklear dan/atau gabungan atau lain-lain seperti tindak balas atau kuasa radioaktif atau bahan;
5. ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang;
6. apa-apa kerugian turutan kecuali yang dinyatakan dalam Sijil ini;
7. apa-apa kerugian yang disebabkan oleh pertukaran mana-mana dan tiap-tiap jenis mata wang;
8. apa-apa bayaran di mana Orang Yang Dilindungi biasanya akan membuat semasa perjalanan beliau, jika tidak berlaku kesilapan;
9. perjalanan di dalam pesawat (selain daripada sebagai penumpang tambang berbayar Penerbangan Berjadual berlesen yang membawa penumpang);
10. membunuh diri, mencederakan diri sendiri atau secara sengaja mendedahkan kepada bahaya (selain daripada dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia);
11. Orang Yang Dilindungi yang terjejas oleh dadah melainkan jika ubat diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan (tetapi bukan untuk rawatan ketagihan dadah);
12. penyalahgunaan pelarut;
13. di bawah pengaruh alkohol atau minuman keras yang memabukkan;

14. kehamilan, bersalin atau kecacatan yang sedia ada atau kelemahan atau kecacatan mental;
15. kecederaan yang diterima semasa berkhidmat sebagai pengendali atau anak kapal atau juruterbang mana-mana pengangkutan atau perdagangan, teknikal atau aktiviti sukan yang berkaitan dengan pesawat;
16. apa-apa aktiviti-aktiviti dan/atau perniagaan yang dijalankan dan/atau urus niaga melalui Internet, Intranet, Extranet dan/atau melalui laman web Orang Yang Dilindungi sendiri, laman internet, alamat web dan/atau melalui penghantaran mel elektronik atau dokumen-dokumen dengan cara elektronik;
17. (i) penyitaan, pemilikan negara, perampasan atau rekuisisi bagasi secara kekal atau sementara oleh mana-mana pihak berkuasa terbentuk; dan/atau
(ii) pemusnahan bagasi di atas perintah mana-mana pihak berkuasa awam;
18. gelombang tekanan yang disebabkan oleh mana-mana pesawat atau peranti udara yang bergerak pada kelajuan sonik atau supersonik; dan/atau
19. ketidaksolvenan daripada pengendali syarikat penerbangan, ejen-ejen tiket dan ejen pelancongan. Dalam apa-apa tindakan, guaman atau lain-lain prosiding di mana TIGB mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan-peruntukan di atas apa-apa kerugian, kemusnahan atau kerosakan tidak dilindungi oleh Perlindungan Takaful ini, beban untuk membuktikan kerugian, kemusnahan atau kerosakan dilindungi diletakkan di atas Orang Yang Dilindungi.
20. Jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful itu) kepada Orang Yang Dilindungi;

Pengecualian Untuk Seksyen II

1. Seksyen II di bawah Sijil ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau perbelanjaan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau akibat daripada mana-mana satu atau lebih daripada yang berikut:
 - 1.1 kelewatan, penyitaan, perampasan, pemusnahan, rekuisisi, penyimpanan atau tahanan oleh pihak Kastam atau mana-mana Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau Rasmi;
 - 1.2 kelewatan disebabkan oleh Pengangkut atau penjadualan semula di Negara Kediaman atau penangguhan pelepasan di mana-mana dalam atau di luar Negara Kediaman semasa dalam perjalanan jika Orang Yang Dilindungi memilih untuk meninggalkan perjalanan;
 - 1.3 kegagalan Orang Yang Dilindungi untuk memberitahu pihak berkuasa syarikat penerbangan yang berkaitan berkenaan kehilangan bagasi di destinasi yang dijadualkan dan untuk mendapatkan Laporan Ketidakteraturan Harta;
 - 1.4 kegagalan untuk mendapatkan pasport, visa dan/atau mana-mana dokumen perjalanan yang lain;
 - 1.5 kegagalan Orang Yang Dilindungi untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi, menyelamatkan atau mendapatkan semula bagasi yang hilang;
 - 1.6 kegagalan untuk mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan mengikut jadual perjalanan yang diberikan kepada Orang Yang Dilindungi;
 - 1.7 sebarang pembelian yang dibuat selepas pengumpulan bagasi penerbangan kelewatan oleh Pengangkut di bawah Seksyen II, Klausa 2.3; dan/atau
 - 1.8 kerugian atau kelewatan yang mana Orang Yang Dilindungi telah menerima penggantian atau pampasan daripada Pengangkut atau mana-mana pihak lain.

Syarat Tuntutan

1. Notis Tuntutan

Semua notis tuntutan bertulis hendaklah diberikan kepada

Takaful Ikhlas General Berhad
IKHLAS Point Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi, 59200, Kuala Lumpur

03-2723 9696 (talian awam)

03-2723 9998 (faks)

ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya apa-apa kerugian yang dilindungi oleh Sijil ini atau dengan seberapa munasabah segera yang mungkin selepas itu. Notis bertulis yang diberikan oleh atau bagi pihak Orang Yang Dilindungi kepada TIGB dengan maklumat yang mencukupi untuk mengenal pasti Orang Yang Dilindungi hendaklah disifatkan sebagai notis kepada TIGB.

2. Syarat Terdahulu

Bayaran tuntutan di bawah Sijil ini adalah bergantung kepada pematuhan terma-terma-terma dan syarat-syarat-syarat oleh Orang Yang Dilindungi dan/atau Pemegang Sijil, setakat mana yang ia terpakai kepada Orang Yang Dilindungi dan/atau Pemegang Sijil.

3. Dokumen

Semua sijil-sijil, maklumat dan bukti hendaklah disediakan atas perbelanjaan Orang Yang Dilindungi atau atas perbelanjaan mana-mana pihak menuntut yang lain dalam bentuk dan sifat yang dikehendaki. Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Dilindungi, TIGB hendaklah perlu melihat sijil kematian dan mungkin memerlukan suatu pemeriksaan post-mortem di atas perbelanjaan pihak menuntut.

Dengan syarat tidak bertentangan dengan undang – undang, bila mana TIGB telah mengemukakan kepada pihak menuntut borang untuk memfailkan bukti kerugian dalam tempoh empat belas (14) hari dari notis pihak menuntut, bukti bertulis berkenaan kerugian hendaklah diberikan kepada TIGB dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kejadian kerugian. Kegagalan untuk memberikan bukti sedemikian kepada TIGB dalam waktu yang ditetapkan boleh menyebabkan tuntutan tidak dilayan ditangguhkan atau ditolak kerana kekurangan bukti atau dokumen tersebut.

Maklumat/bukti tuntutan berikut hendaklah disediakan:

- (a) Salinan Kad Pengenalan/Pasport Orang Yang Dilindungi;
- (b) Salinan Kad Kredit Orang Yang Dilindungi;
- (c) Salinan-salinan rekod borang caj yang mengesahkan bahawa tambang penuh tiket penerbangan dicajkan kepada Kad yang dikeluarkan oleh Pemegang Sijil kepada Orang Yang Dilindungi;
- (d) Salinan-salinan rekod borang caj yang berhubungan dengan perbelanjaan yang dilakukan yang mana tuntutan dibuat;
- (e) Untuk bagasi yang hilang atau lewat, satu salinan Laporan Ketidakteraturan Harta yang ditandatangani dan bertarikh dari pihak berkuasa syarikat penerbangan yang berkaitan;
- (f) Pengesahan bertulis dari syarikat penerbangan atau agen berlesen mereka untuk penerbangan pelepasan yang lewat/ pembatalan penerbangan/tidak dibenarkan menaiki pesawat penerbangan, dan jumlah masa kelewatan dan tarikh/masa penerbangan yang sedia ada;
- (g) Salinan-salinan tiket penerbangan dan pas menaiki pesawat; dan
- (h) Butiran lengkap perbelanjaan yang mana pembayaran balik dituntut.

4. Pemeriksaan Perubatan

Sekiranya berlaku kecederaan, Orang Yang Dilindungi hendaklah menggunakan perkhidmatan seorang pengamal perubatan berdaftar (yang berkelayakan dan berlesen untuk menjalankan amalan perubatan barat) dan Orang Yang Dilindungi hendaklah menjalani mana-mana perubatan yang dianggap perlu oleh seorang pengamal rawatan. Orang

Yang Dilindungi mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut yang diperlukan oleh TIGB di atas perbelanjaan Orang yang Dilindungi.

5. Salah Nyataan atau Penipuan

Jika apa-apa tuntutan di bawah Sijil ini yang mana-mana berkenaan adalah penipuan atau jika apa-apa cara atau kaedah penipuan digunakan oleh Pemegang Sijil atau Orang Yang Dilindungi atau mana-mana yang bertindak bagi pihak Pemegang Sijil atau Orang Yang Dilindungi untuk mendapatkan apa-apa faedah di bawah Sijil ini, TIGB tidak mempunyai liabiliti berkenaan dengan tuntutan itu.

6. Pembayaran apa-apa tuntutan yang dilindungi di bawah Sijil ini hendaklah dibuat dalam Mata Wang Malaysia.

7. Pembayaran tuntutan hendaklah dibuat oleh TIGB sahaja selepas bukti kerugian yang mencukupi untuk menyokong tuntutan itu telah diterima dan apabila jumlah kerugian telah ditentukan dan dipersetujui.

Pembayaran Tuntutan

Pembayaran apa-apa tuntutan oleh TIGB hendaklah dibuat terus kepada CIMB Islamic Bank Berhad untuk faedah-faedah di bawah Seksyen I manakala pembayaran tuntutan untuk faedah-faedah di bawah Seksyen II, hendaklah dibuat terus kepada Pemegang Kad.

Pembayaran apa-apa tuntutan yang dilindungi di bawah Sijil ini kepada Pemegang Kad atau harta pusaknya, akan dibuat selepas menolak amaun yang kena dibayar kepada Pemegang Sijil dan apa-apa amaun yang kena dibayar hendaklah disahkan secara bertulis oleh Pemegang Sijil kepada TIGB.

Pengesahan penerimaan bayaran tuntutan oleh Pemegang Kad atau harta pusaknya dan/atau Pemegang Sijil mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai penyelesaian penuh dan muktamad dan penunaian berkesan dan pelepasan penuh liabiliti TIGB. Tiada tuntutan hendaklah kena dibayar bagi apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang dibayar balik oleh atau dikembalikan dari syarikat penerbangan atau mana-mana pihak lain.

Penamatan Perlindungan Takaful

Perlindungan Takaful Orang Yang Dilindungi hendaklah ditamatkan sekiranya salah satu daripada berikut

- (a) Orang Yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- (b) Orang Yang Dilindungi tidak lagi menjadi Pemegang Kad Pemegang Sijil; atau
- (c) Orang Yang Dilindungi menjadi Pemegang Kad tidak aktif dan/atau Pemegang Kad Tunggakan; atau
- (d) penamatan Sijil, yang mana lebih awal.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau lain-lain prosiding di mana TIGB mengatakan bahawa oleh sebab peruntukan-peruntukan di atas apa-apa kerugian, kemusnahan atau kerosakan tidak dilindungi oleh Perlindungan Takaful ini, beban membuktikan kerugian, kemusnahan atau kerosakan dilindungi hendaklah di atas Orang Yang Dilindungi.

B. CIMB PREFERRED VISA INFINITE-I, CIMB PETRONAS VISA INFINITE-I DAN TAKAFUL IKHLAS GENERAL BERHAD GROUP PERSONAL ACCIDENT WITH EXTENSION TO TRAVEL PA TAKAFUL

Notis Penting

Bank telah secara percuma mendapatkan perlindungan Takaful untuk manfaat Pemegang Kad CIMB. Tiada pembayaran oleh Pemegang Kad kepada CIMB diperlukan. Walau bagaimanapun, ia tidak akan dalam mana-mana cara mewujudkan apa-apa hubungan undang-undang antara CIMB Islamic Bank Berhad (pemegang Sijil) dan Pemegang Kad.

Pemegang Sijil tidak akan dikenakan apa-apa liabiliti jua terhadap Pemegang Kad bagi apa-apa perkara yang berkaitan dengan perlindungan Takaful ini, sama ada disebabkan oleh apa-apa yang dilakukan atau tidak dilakukan oleh pemegang Sijil atau mana-mana pekerja, kakitangan atau ejennya berhubung dengan perlindungan Takaful atau Sijil Induk yang berkenaan. Pemegang Sijil juga tidak menerima apa-apa tanggungjawab dan tidak memberi apa-apa jaminan mengenai kesahihan Sijil Induk atau berkaitan dengan hak Peserta atau mana-mana orang di bawahnya. Setiap Pemegang Kad hendaklah dianggap telah menerima kandungan Sijil Induk dan terikat dengan terma-termannya.

Semua pihak menuntut hendaklah mematuhi kandungan Sijil Induk agar tidak memprejudikan sebarang tuntutan di bawahnya. Tiada pihak menuntut akan mempunyai apa-apa hak merayu atau mengambil tindakan terhadap pemegang Sijil.

Takaful ini adalah untuk manfaat Pemegang Kad CIMB Islamic Bank (Peserta) di bawah Sijil Induk yang dikeluarkan oleh Takaful Ikhlas General Berhad ("TIGB") kepada CIMB Islamic Bank Berhad (pemegang Sijil), sesalinan yang boleh didapati untuk semakan di pejabat TIGB di Takaful Ikhlas General Berhad, IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi 59200, Kuala Lumpur. (Tel: +603-2723 9696 Faks: +603-2723 9998) atau di laman webnya.

Terma–terma dan syarat-syarat ini adalah cabutan dan tertakluk kepada kandungan Sijil Induk. Apa-apa perubahan, pindaan atau pengendorsan (termasuk pembatalan) Sijil Induk hendaklah mengikat Pemegang Kad selepas notis terdahulu dua puluh satu (21) hari kalendar diberikan oleh TIGB.

Definisi Perkataan-Perkataan

1. Peserta hendaklah bermaksud:

1.1 Di bawah Seksyen I & II - Pemegang Kad sebagaimana yang ditakrifkan di sini.

1.2 Pemegang Kad hendaklah bermaksud:

- pemegang yang sah, aktif dan belum tamat tempoh yang dikeluarkan oleh pemegang Sijil di Malaysia yang belum mencapai umur enam puluh lima (65) tahun.
- dan sesiapa sewaktu tuntutan atau kerugian yang dilindungi masih merupakan Pemegang Kad 'bona fide' dan Akaun Kad dibil dari Malaysia.
- Pemegang Kad untuk tujuan Sijil ini tidak akan termasuk Pemegang Kad Tunggalan.
- Pemegang Kad Tunggalan hendaklah bermaksud Pemegang-Pemegang Kad yang tidak membuat apa-apa bayaran untuk pembelian melalui kad kredit mereka dalam tempoh 1 bulan dari tarikh matang seperti yang dinyatakan dalam penyata akaun yang dikeluarkan oleh pemegang Sijil.

2. Penerbangan Berjadual hendaklah bermaksud penerbangan melalui pesawat yang layak terbang di mana syarikat penerbangan disenaraikan dalam Panduan Penerbangan rasmi atau Panduan ABC World Airways dan Pengangkut udara memegang sijil, lesen atau kebenaran yang bersamaan untuk pengangkutan udara berjadual yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan dalam negara di mana pesawat dioperasikan dan didaftarkan dan menurut kebenaran tersebut, mengekalkan dan menerbitkan jadual dan tarif bagi perkhidmatan penumpang di antara lapangan terbang yang dinamakan pada waktu biasa dan spesifik.

Penerbangan Berjadual mestilah diterbangkan secara teratur dan berterusan mengikut laluan dan pada masa seperti mana yang diterbitkan dalam Panduan ABC World Airways yang dipinda dari semasa ke semasa.

Waktu berlepas, pemindahan dan titik destinasi hendaklah ditetapkan dengan merujuk kepada tiket Penerbangan Berjadual Peserta.

3. Pengangkutan Awam hendaklah bermaksud mana-mana pengangkutan darat atau air yang dilesenkan dengan sewajarnya untuk pengangkutan biasa kepada penumpang yang membayar tambang dan hendaklah termasuk Penerbangan Berjadual seperti yang ditakrifkan di sini tetapi hendaklah mengecualikan mana-mana kereta yang disewa atau kereta sewa atau mana-mana pengangkutan yang dikendalikan untuk tujuan hiburan.

4. Tarikh Kehilangan bermaksud tarikh berlakunya peristiwa atau keadaan yang menyebabkan Kerugian tertentu, atau tarikh berlakunya peristiwa atau keadaan pertama dalam satu siri peristiwa atau keadaan yang menyebabkan Kerugian tertentu.

5. Kemalangan bermaksud peristiwa atau kejadian yang berlaku yang tidak diduga dan tidak dijangka yang mengakibatkan secara langsung dalam kematian atau kecederaan Orang Yang Dilindungi.

6. Baki tertunggak merujuk kepada baki penyata terakhir Tarikh Kehilangan/Kemalangan.

SEKSYEN I – KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL SEMASA PEJALANAN

Operasi Bagi Perlindungan Takaful

Pelan Takaful ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan mengejut dan tidak dijangka, perbelanjaan perubatan yang ditanggung akibat daripada kemalangan atau penyakit, kesulitan perjalanan dan bantuan perjalanan untuk pelancongan domestik dan luar negara.

Kontingensi di mana Takaful diberikan adalah berkaitan dengan apa-apa Kecederaan yang dialami atau kematian yang berlaku semasa pelancongan satu hala atau dua hala yang diambil oleh Orang Yang Dilindungi di antara titik pelepasan dan destinasi pada atau selepas tarikh pembelian tiket; dengan syarat bahawa tambang penuh dan keseluruhan bagi perjalanan sedemikian itu telah dicaj sepenuhnya terlebih dahulu kepada suatu Kad yang dikekalkan oleh Pemegang Kad dengan pemegang Sijil di bawah keadaan-keadaan yang ditentukan seperti berikut:

- 1.1 semasa menumpang sebagai penumpang yang membayar tambang dan bukan sebagai juruterbang atau anak kapal, dalam, naik atau turun dari pesawat Pengangkutan berjadual atau kemalangan yang diakibatkan oleh Pengangkutan Awam.
- 1.2 semasa menumpang sebagai penumpang yang membayar tambang dalam Pengangkutan Awam, tetapi hanya
 - a) dalam perjalanan langsung yang berterusan ke lapangan terbang untuk tujuan menaiki Penerbangan Berjadual; atau
 - b) apabila berada di terminal lapangan terbang itu sendiri; atau
 - c) apabila meninggalkan lapangan terbang selepas turun dari Penerbangan Berjadual sedemikian sehingga sampai ke destinasi akhir mereka.

Bagi mengelakkan keraguan, tiket yang dibeli dari agensi-agensi pelancongan udara dan pengusaha pelancongan adalah DIKECUALIKAN daripada Perlindungan Takaful.

JADUAL FAEDAH-FAEDAH

(A) Perlindungan Kemalangan Semasa Penerbangan dan Perjalanan sekiranya Peserta mengalami kecederaan badan seperti yang dinyatakan, TIGB hendaklah membayar pampasan seperti berikut:

Kecederaan Badan Yang Diakibatkan Sepenuhnya Dan Berasingan Oleh Mana-Mana Sebab Lain:	Jumlah Perlindungan (RM)
Kehilangan nyawa	1,000,000
Kehilangan kedua-dua belah tangan dan kedua-dua belah kaki	1,000,000
Kehilangan sebelah tangan dan/atau sebelah kaki	1,000,000
Kehilangan keseluruhan penglihatan kedua-dua belah mata	1,000,000
Kehilangan keseluruhan penglihatan sebelah mata	1,000,000
Kehilangan keseluruhan penglihatan sebelah mata dan sebelah tangan atau sebelah kaki	1,000,000

Nota:

1. Jumlah maksimum bagi semua kerugian yang dibayar kepada mana-mana satu Orang Yang Dilindungi adalah terhad sehingga 100% daripada jumlah faedah seperti yang dinyatakan di bawah Jadual Faedah-Faedah.
2. Untuk Kad Kredit CIMB Preferred Visa Infinite-i atau CIMB PETRONAS Visa Infinite-i, pemegang kad bersetuju untuk menderma RM100,000 atau 10% daripada jumlah manfaat kematian atau hilang upaya kekal kepada Wakaf seperti yang diaturkan oleh CIMB Islamic Bank dan TIGB.

Bagi anak-anak tanggungan Pemegang Kad yang sah di sisi undang-undang, jumlah faedah yang kena dibayar adalah terhad sehingga 10% daripada jumlah faedah yang kena dibayar kepada anak-anak tanggungan di bawah umur lapan belas (18) tahun. Anak-anak tanggungan yang sah di sisi undang-undang yang berusia antara sembilan belas (19) hingga dua puluh lima (25) tahun, adalah berhak untuk jumlah penuh faedah.

Dalam apa jua keadaan kad pendua atau berbilang yang dikeluarkan oleh pemegang Sijil kepada Orang Yang Dilindungi yang sama tidak akan mewajibkan TIGB untuk membayar kepada Peserta tersebut melebihi had yang dinyatakan dalam Jadual faedah-faedah untuk sebarang tuntutan akibat daripada mana-mana satu Kemalangan yang dilindungi oleh Seksyen ini.

Pendedahan dan Kehilangan

Apabila disebabkan oleh suatu Kemalangan yang dilindungi oleh Sijil ini, Orang Yang Dilindungi tidak dapat dielakkan terdedah kepada unsur-unsur semula jadi dan akibat pendedahan tersebut, mengalami kerugian di mana tanpanya faedah perlu dibayar, kerugian sedemikian adalah dilindungi di bawah terma-terma Sijil ini.

Jika badan Orang Yang Dilindungi tidak dijumpai dalam tempoh satu (1) tahun dari kehilangannya, penenggelaman atau kemusnahan Pengangkut di mana Orang Yang Dilindungi berada dalam perjalanan sewaktu Kemalangan tersebut, ia akan dianggap tertakluk kepada terma-terma Sijil ini, bahawa Orang Yang Dilindungi mengalami kehilangan nyawa akibat daripada Kecederaan badan yang disebabkan oleh Kemalangan pada masa kehilangan, penenggelaman atau kemusnahan tersebut.

Kematian Orang Yang Dilindungi hendaklah dibuktikan dengan Sijil Kematian Rasmi, atau dalam kes kehilangan berikutan Kemalangan atau kemusnahan keseluruhan Pengangkut di mana Mahkamah menganggap kematiannya. Jika pada bila-bila masa selepas pembayaran telah dibuat oleh TIGB untuk tuntutan sedemikian, Orang Yang Dilindungi didapati masih hidup, Orang Yang Dilindungi hendaklah membuat bayaran balik sepenuhnya kepada TIGB.

Had Liabiliti

Liabiliti agregat maksimum TIGB adalah RM6,000,000 untuk mana-mana satu Kemalangan. Sekiranya Kemalangan melibatkan lebih daripada satu Orang Yang Dilindungi dan sekiranya had tanggung rugi tersebut adalah tidak mencukupi untuk membayar amaun tanggung rugi sepenuhnya untuk setiap Orang Yang Dilindungi, amaun yang perlu dibayar untuk setiap Orang Yang Dilindungi akan diproratakan.

B) FAEDAH KESULITAN PERJALANAN

Operasi Bagi Perlindungan Takaful

Perlindungan Takaful untuk Orang Yang Dilindungi hendaklah beroperasi hanya apabila beliau melancong semasa Tempoh Takaful dengan menaiki Penerbangan Berjadual sebagai penumpang yang membayar tambang dan apabila keseluruhan tambang penerbangan untuk perjalanan dengan Penerbangan Berjadual tersebut telah dicaj sepenuhnya terlebih dahulu kepada kad yang dikekalkan oleh Pemegang Kad dengan pemegang Sijil.

Untuk mengelakkan keraguan, tiket yang dibeli daripada agensi pelancongan udara dan pengendali pelancongan adalah DIKECUALIKAN daripada Perlindungan Takaful.

1. JADUAL FAEDAH-FAEDAH

1.1 Kelewatan Penerbangan

Jika Orang Yang Dilindungi mengesahkan bahawa Penerbangan Berjadual adalah lewat dan tiada pengangkutan seterusnya alternatif disediakan kepada Orang Yang Dilindungi dalam tempoh empat (4) jam dari masa berlepas Penerbangan Berjadual sebenar, TIGB akan menanggung ganti rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang perlu dan secara munasabah ditanggung untuk penginapan hotel dan makanan dan minuman di restoran, sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah-Faedah dengan syarat bahawa Orang Yang Dilindungi berada di lapangan terbang pada masa kelewatan penerbangan itu.

Faedah
Sehingga RM1,000

1.2 Terlepas Penerbangan Bersambung

Jika Orang Yang Dilindungi mengesahkan bahawa Penerbangan Berjadual bersambung seterusnya terlepas dari titik pemindahan disebabkan oleh ketibaan lewat Penerbangan Berjadual bersambung sah yang akan masuk Orang Yang Dilindungi dan tiada pengangkutan seterusnya alternatif disediakan kepada Orang Yang Dilindungi dalam tempoh empat (4) jam dari masa ketibaan penerbangan masuk beliau sebenar, TIGB akan menanggung ganti rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang perlu dan secara munasabah ditanggung untuk penginapan Hotel dan makanan atau minuman di restoran, sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah-Faedah

dengan syarat bahawa Orang Yang Dilindungi hendaklah berada di lapangan terbang pada masa sambungan penerbangan yang terlepas.

Faedah
Sehingga RM1,000

1.3 Kelewatan Bagasi Penerbangan Yang Diiringi

Jika Orang Yang Dilindungi mengesahkan bahawa bagasi penerbangan daftar masuk Orang Yang Dilindungi tidak dihantar kepadanya dalam tempoh enam (6) jam dari waktu ketibaan sebenar Orang Yang Dilindungi tersebut di destinasi berjadual luar negara Penerbangan Berjadualnya, TIGB akan menanggung rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang perlu dan secara munasabah ditanggung di destinasi berjadual luar negara tersebut untuk pembelian kecemasan pakaian dan kelengkapan mandian perlu sehingga had maksimum seperti yang ditentukan dalam Jadual Faedah-Faedah, dengan syarat bahawa bagasi penerbangan tersebut telah didaftar masuk oleh pegawai Pengangkutan udara yang diberi kuasa yang mana Orang Yang Dilindungi sedang dalam perjalanan pada masa kejadian.

Faedah
Sehingga RM1,000

1.4 Kehilangan Bagasi Penerbangan Yang Diiringi

Jika bagasi penerbangan yang didaftar masuk Orang Yang Dilindungi tidak dihantar kepadanya dalam tempoh empat puluh lapan (48) jam daripada waktu ketibaan sebenar Orang Yang Dilindungi di destinasi luar negara yang dijadualkan Penerbangan Berjadualnya, bagasi tersebut akan dianggap kekal hilang dan TIGB akan menanggung rugi perbelanjaan tambahan sebenar yang perlu dan munasabah ditanggung dalam tempoh empat (4) hari pada destinasi Berjadual untuk pembelian kecemasan pakaian dan kelengkapan mandian yang perlu, sehingga had maksimum seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah-Faedah, tertakluk kepada bagasi yang dianggap hilang telah didaftar masuk oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Pengangkut udara dengan mana Orang Yang Dilindungi melakukan perjalanan pada masa berlakunya kejadian tersebut.

Faedah
Sehingga RM1,000

Had Liabiliti

- Agregat liabiliti maksimum TIGB adalah RM6,000,000 untuk mana-mana satu Kemalangan. Sekiranya Kemalangan melibatkan lebih dari satu Orang Yang Dilindungi dan had liabiliti tanggung rugi adalah tidak cukup untuk membayar amaun tanggung rugi penuh untuk setiap Orang Yang Dilindungi, maka amaun yang kena dibayar untuk setiap Orang Yang Dilindungi akan diproratakan dengan sewajarnya.
- Orang Yang Dilindungi hanya boleh membuat satu tuntutan sama ada untuk Kelewatan Bagasi Penerbangan atau Kehilangan Bagasi Penerbangan.

SEKSYEN II

A) KEMALANGAN PERSENDIRIAN PIAWAI (SEMASA TIDAK MELANCONG)

OPERASI PERLINDUNGAN TAKAFUL

Takaful ini menyaksikan bahawa jika dalam tempoh takaful mana-mana Peserta Yang Dilindungi mengalami kecederaan anggota badan akibat kemalangan yang mana kecederaan tersebut semata-mata dan bebas daripada sebarang sebab lain mengakibatkan kematian atau Ketidakupayaan Kekal Orang yang Dilindungi tersebut, Syarikat akan, tertakluk kepada terma-terma, pengecualian dan syarat-syarat yang diisytiharkan selepas ini, membayar kepada

Peserta jumlah atau amaun wang yang dinyatakan di dalam Jadual Faedah-Faedah yang diperuntukkan bagi Peserta yang Dilindungi tersebut. Perlindungan adalah selama 24 jam dan di seluruh dunia.

1. Kematian

Kematian Orang Yang Dilindungi yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh cara luaran yang ganas dan boleh dilihat yang tidak disengajakan dan (termasuk sebagai akibat langsung daripada pendedahan kepada unsur-unsur) dan tidak termasuk sakit, penyakit, jangkitan parasit, bakteria atau virus atau sebarang keadaan semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh takaful. Jumlah yang perlu dibayar adalah Jumlah Perlindungan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah-Faedah.

Jadual Faedah	Jumlah Perlindungan
Kematian	RM100,000

2. Ketidakupayaan Kekal

Ketidakupayaan kekal Orang Yang Dilindungi yang disebabkan semata-mata dan secara langsung daripada Kemalangan luaran yang ganas dan boleh dilihat bermaksud (termasuk sebagai akibat langsung daripada pendedahan kepada unsur-unsur) dan tidak termasuk sakit, penyakit, jangkitan parasit, bakteria atau virus atau sebarang keadaan yang berlaku secara semula jadi atau proses degeneratif; dalam tempoh takaful. Amaun yang perlu dibayar adalah suatu peratus daripada Jumlah Perlindungan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Faedah.

Jadual Faedah	Jumlah Perlindungan
Ketidakupayaan Kekal	RM100,000

3. Badal Haji

Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Dilindungi akibat kemalangan, manfaat ini akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat Kematian sedia ada untuk kedua-dua orang Islam dan bukan Islam. Bagi orang Islam, penama atau waris digalakkan untuk menggunakan manfaat ini untuk membayar Badal Haji bagi pihak Orang Yang Dilindungi.

Faedah
RM3,000

4. Qurban

Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Dilindungi akibat kemalangan, manfaat ini akan dibayar sebagai tambahan kepada manfaat Kematian sedia ada untuk kedua-dua orang Islam dan bukan Islam. Bagi orang Islam, penama atau waris digalakkan untuk menggunakan manfaat ini untuk membayar Qurban bagi pihak Orang yang Dilindungi.

Faedah
RM 750

5. Perlindungan baki tertunggak kad kredit sekiranya dimasukkan ke hospital akibat kemalangan

Sekiranya Orang Yang Dilindungi memerlukan Penghospitalan selama lebih daripada tiga (3) hari berturut-turut akibat daripada suatu Kemalangan, TIGB akan membayar balik jumlah tersebut kepada Orang yang Dilindungi.

- Orang Yang Dilindungi adalah individu (bukan badan korporat) yang mempunyai Kad Kredit CIMB Preferred Visa Infinite-i atau CIMB PETRONAS Visa Infinite-i dibawah nama persendirian; dan
- Orang Yang Dilindungi atau wakilnya yang sah di sisi undang-undang yang membuat tuntutan kepada TIGB mestilah mengemukakan sesalinan penyata terkini (bayaran semasa, tidak termasuk caj bayaran lewat atau mana-mana fi yang berkenaan pada Tarikh Kehilangan/Kemalangan kad kredit Orang yang Dilindungi, seperti mana yang berkenaan, kepada TIGB).

Faedah
Sehingga RM 10,000 orang yang dilindungi
Sehingga RM 5,000 setiap peristiwa

6. Elaun Hospital Disebabkan Kemalangan (Maksimum 30 Hari)

Elaun harian untuk tempoh tertentu seperti yang dinyatakan dalam Jadual, berkuat kuasa dari tarikh kemasukan Orang Yang Dilindungi di mana-mana hospital kerajaan/swasta disebabkan Kemalangan.

Faedah
RM100/sehari untuk penghospitalan tempatan dan di luar negara (Maksimum 30 hari)

Pengecualian Am (Terpakai kepada Seluruhan Sijil)

Sijil ini tidak melindungi apa-apa tuntutan yang berkaitan dengan kecederaan, penyakit, kematian, kerosakan kepada harta, kehilangan, liabiliti, kos dan/atau perbelanjaan apa-apa jenis jua yang dialami atau ditanggung secara langsung atau tidak langsung dan disebabkan oleh atau menyumbang kepada, atau yang timbul daripada yang berikut tanpa mengira apa-apa sebab atau peristiwa lain yang menyumbang secara serentak atau dalam mana-mana turutan lain kepada hal perkara tuntutan tersebut:

1. (i) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seperti peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, penentangan, revolusi, pemberontakan, kuasa tentera atau yang dirampas; atau
- (ii) sebarang tindakan pengganas termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - a. penggunaan atau ancaman kuasa, keganasan dan/atau
 - b. kemudaratan atau kerosakan kepada nyawa atau harta (atau ancaman kemudaratan atau kerosakan sedemikian) termasuk, tetapi tidak terhad kepada, sinaran nuklear dan/atau pencemaran oleh bahan kimia dan/atau ejen biologi, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang sama, nyata atau sebaliknya, dan/atau untuk menyebabkan orang awam atau mana-mana bahagian orang awam ketakutan; atau
- (iii) apa-apa tindakan yang diambil dalam mengawal, mencegah, membanteras atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan (i) atau (ii) diatas;

Jika TIGB menyatakan bahawa oleh sebab pengecualian ini, apa-apa kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tidak dilindungi oleh Sijil ini, beban membuktikan sebaliknya terletak pada Orang Yang Dilindungi.

2. HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan/atau mana-mana penyakit berkenaan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC) walaupun bagaimanapun terjadi dan/atau mana-mana derivatif mutan, variasi atau rawatan berkenaanya walau bagaimanapun terjadi;
3. Rusuhan atau kekacauan awam, sekatan masuk atau ancaman peristiwa sedemikian;
4. (i) sinaran pengion daripada atau pencemaran radioaktif daripada apa-apa bahan api nuklear atau daripada pembuangan nuklear daripada pembakaran bahan api nuclear;
- (ii) sifat radioaktif, beracun, boleh letup atau berbahaya atau pencemaran lain daripada apa-apa pemasangan nuklear, reaktor atau pemasangan nuklear atau komponen nuclear daripadanya; dan/atau
- (iii) apa-apa senjata peperangan menggunakan pembelahan dan/atau penggabungan atom atau nuklear atau tindak balas lain sepertinya atau kuasa atau bahan radioaktif;
5. ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang.
6. apa-apa kerugian turutan kecuali yang dinyatakan dalam Sijil ini.

7. apa-apa kerugian yang disebabkan oleh pertukaran mata wang sebarang dan setiap jenis.
8. apa-apa bayaran yang pada kebiasaannya akan dibuat oleh Orang Yang Dilindungi semasa perjalanan beliau, jika tiada apa-apa yang tidak elok berlaku;
9. perjalanan di dalam pesawat (selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang pesawat Penerbangan Berjadual yang berlesen sepenuhnya yang membawa penumpang);
10. membunuh diri, mencederakan diri sendiri atau secara sengaja mendedahkan diri kepada bahaya (selain daripada dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia);
11. Orang Yang Dilindungi dijejaskan oleh dadah melainkan jika dadah tersebut diambil mengikut preskripsi perubatan yang diberikuasa (tetapi bukan untuk rawatan ketagihan dadah);
12. penyalahgunaan pelarut;
13. di bawah pengaruh alkohol atau minuman keras yang memabukkan;
14. kehamilan, bersalin atau kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental yang sedia ada;
15. kecederaan yang dialami semasa berkhidmat sebagai pengendali atau anak kapal atau juruterbang mana-mana pengangkutan atau perdagangan, teknikal atau aktiviti sukan yang berkaitan dengan pesawat;
16. apa-apa aktiviti-aktiviti dan/atau perniagaan yang dijalankan dan/atau ditransaksi melalui Internet, Intranet, Extranet dan/atau melalui laman web Orang Yang Dilindungi sendiri, laman Internet, alamat web dan/atau melalui penghantaran mel elektronik atau dokumen-dokumen dengan cara elektronik;
17. (i) perampasan bagasi secara kekal atau sementara akibat daripada penyitaan, pemilikan negara, pemerintahan atau rekuisisi oleh mana-mana pihak berkuasa yang sah di sisi undang-undang; dan/atau
(ii) pemusnahan harta benda di atas perintah mana-mana pihak berkuasa awam;
18. gelombang tekanan yang disebabkan oleh mana-mana pesawat atau peranti udara yang bergerak pada kelajuan sonik atau supersonik; dan/atau
19. insolvensi pengendali syarikat penerbangan, ejen-ejen tiket dan ejen pelancongan. Dalam apa-apa tindakan, guaman atau lain-lain prosiding di mana TIGB menyatakan bahawa oleh sebab peruntukan-peruntukan di atas apa-apa kerugian, kemusnahan atau kerosakan tidak dilindungi oleh Perlindungan Takaful ini, beban untuk membuktikan kerugian, kemusnahan atau kerosakan dilindungi terletak pada Orang Yang Dilindungi.
20. Jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit atau sakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang diperlukan hanya disebabkan kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful tersebut) kepada Orang Yang Dilindungi.

Pengecualian Terpakai Untuk Seksyen II

- 1.1 Seksyen II di bawah Sijil ini tidak melindungi apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau akibat daripada mana-mana satu atau lebih daripada yang berikut: -
- 1.2 kelewatan, penyitaan, perampasan, pemusnahan, rekuisisi, penyimpanan atau tahanan oleh pihak Kastam atau mana-mana Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau Rasmi
- 1.3 kelewatan disebabkan oleh Pengangkut atau penjadualan semula di Negara Kediaman atau kelewatan pelepasan di mana-mana dalam atau di luar Negara Kediaman semasa perjalanan jika Orang Yang Dilindungi memilih untuk mengabaikan perjalanan;
- 1.4 kegagalan Orang Yang Dilindungi untuk memaklumkan pihak berkuasa syarikat penerbangan yang berkaitan berkenaan kehilangan bagasi di tempat destinasi yang dijadualkan dan untuk mendapatkan Laporan Ketidakteraturan Harta;
- 1.5 kegagalan untuk mendapatkan pasport, visa dan/atau mana-mana dokumen perjalanan yang lain;

- 1.6 kegagalan Orang Yang Dilindungi untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi, menyelamatkan atau mendapatkan semula bagasi yang hilang;
- 1.7 kegagalan untuk mendaftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan mengikut jadual perjalanan yang diberikan kepada Orang Yang Dilindungi;
- 1.8 sebarang pembelian yang dibuat selepas pemungutan bagasi penerbangan terlewat oleh Pengangkut di bawah Seksyen II, Klausa 2.3; dan/atau
- 1.9 kerugian atau kelewatan yang mana Orang Yang Dilindungi telah menerima penggantian atau pampasan daripada Pengangkut atau mana-mana pihak lain.

Syarat Tuntutan

1. Notis Tuntutan

Semua notis tuntutan bertulis hendaklah diberikan kepada

Takaful Ikhlas General Berhad

IKHLAS Point Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South
No. 8, Jalan Kerinchi, 59200, Kuala Lumpur

03-2723 9696 (talian awam)

03-2723 9998 (faks)

dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya apa-apa kerugian yang dilindungi oleh Sijil ini atau dengan seberapa segera yang munasabah selepas itu. Notis bertulis yang diberikan oleh atau bagi pihak Orang Yang Dilindungi kepada TIGB dengan maklumat yang mencukupi untuk mengenal pasti Orang Yang Dilindungi hendaklah disifatkan sebagai notis kepada TIGB.

2. Syarat Terdahulu

Bayaran tuntutan di bawah Sijil ini adalah bergantung kepada pematuhan terma-terma-terma dan syarat-syarat-syarat oleh Orang Yang Dilindungi dan/atau pemegang Sijil, setakat mana yang mereka terpakai kepada Orang Yang Dilindungi dan/atau pemegang Sijil.

3. Dokumen

Semua sijil, maklumat dan bukti hendaklah disediakan atas perbelanjaan Orang Yang Dilindungi atau atas perbelanjaan mana-mana pihak menuntut yang lain dalam bentuk dan sifat yang dikehendaki. Sekiranya berlaku kematian Orang Yang Dilindungi, TIGB hendaklah diperlukan untuk melihat sijil kematian dan mungkin memerlukan pemeriksaan post-mortem atas perbelanjaan pihak yang menuntut.

Walaupun bertentangan di bawah undang-undang, di mana TIGB mengemukakan kepada pihak menuntut borang tuntutan untuk memfailkan bukti kerugian dalam tempoh empat belas (14) hari dari notis pihak menuntut, pihak menuntut hendaklah menyediakan bukti kerugian bertulis kepada TIGB dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh berlakunya kerugian. Kegagalan untuk memfailkan kerugian atau mengemukakan bukti sedemikian kepada TIGB dalam waktu yang ditetapkan boleh menyebabkan tuntutan tidak dilayan atau ditolak oleh TIGB disebabkan oleh kekurangan bukti atau dokumen daripada pihak menuntut.

Maklumat/bukti tuntutan berikut hendaklah disediakan:

- (a) Salinan Kad Pengenalan/Pasport Orang Yang Dilindungi;
- (b) Salinan Permit Pengebumian
- (c) Salinan Laporan Polis (untuk kemalangan sahaja)
- (d) Salinan Kad Kredit Orang Yang Dilindungi;
- (e) Salinan-salinan rekod borang caj yang mengesahkan bahawa tambang penuh tiket penerbangan telah dicajkan

kepada Kad yang dikeluarkan oleh Pemegang Sijil kepada Orang Yang Dilindungi;

- (f) Salinan-salinan rekod borang caj yang berhubungan dengan perbelanjaan yang ditanggung yang mana tuntutan dibuat;
- (g) Untuk bagasi hilang atau lewat, sesalinan Laporan Ketidakteraturan Harta yang ditandatangani dan bertarikh dari pihak berkuasa penerbangan berkaitan;
- (h) Pengesahan bertulis dari syarikat penerbangan atau ejen berlesen mereka untuk penerbangan pelepasan lewat/pembatalan penerbangan/penafian menaiki pesawat penerbangan, dan bilangan jam kelewatan dan tarikh/masa penerbangan sedia ada;
- (i) Butiran lengkap perbelanjaan yang mana pembayaran balik dituntut.
- (j) Salinan-salinan Laporan Perubatan (Kenyataan Doktor yang Menghadiri).
- (k) Salinan-salinan Bil / Resit Perubatan.
- (l) Salinan-salinan pengesahan Bertulis daripada Bank berkenaan Penyata Akaun CIMB Preferred Visa Infinite-i atau CIMB PETRONAS Visa Infinite-i.

4. Pemeriksaan Perubatan

Sekiranya berlaku kecederaan, Orang Yang Dilindungi hendaklah menggunakan perkhidmatan seorang pengamal perubatan berdaftar (yang berkecualan dan berlesen untuk menjalankan amalan perubatan barat) dan Orang Yang Dilindungi hendaklah menjalani mana-mana perubatan yang dianggap perlu oleh pengamal rawatan tersebut.

5. Salah Nyata atau Penipuan

Jika apa-apa tuntutan di bawah Sijil ini dalam apa jua aspek adalah penipuan atau jika apa-apa cara atau peranti penipuan digunakan oleh pemegang Sijil atau Orang Yang Dilindungi atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak pemegang Sijil atau Orang Yang Dilindungi untuk mendapatkan apa-apa faedah di bawah Sijil ini, TIGB tidak akan mempunyai liabiliti berkenaan dengan tuntutan tersebut.

- a. Pembayaran apa-apa tuntutan yang dilindungi di bawah Sijil ini hendaklah dibuat dalam Mata Wang Malaysia.
- b. Pembayaran tuntutan hendaklah dibuat oleh TIGB hanya selepas bukti kerugian yang mencukupi untuk menyokong tuntutan telah diterima dan apabila jumlah kerugian telah ditentukan dan dipersetujui.

Pembayaran Tuntutan

Pembayaran apa-apa tuntutan oleh TIGB hendaklah dibuat secara langsung kepada "CIMB Islamic Bank Berhad" untuk faedah-faedah di bawah Seksyen I & II untuk Kematian dan Hilang Upaya Kekal sahaja manakala pembayaran tuntutan untuk faedah lain hendaklah dibuat secara langsung kepada Pemegang Kad.

Pembayaran apa-apa tuntutan yang dilindungi di bawah Sijil ini kepada Pemegang Kad atau harta pusakanya, akan dibuat selepas menolak jumlah tertunggak kepada pemegang Sijil dan jumlah tertunggak sedemikian hendaklah disahkan secara bertulis oleh pemegang Sijil kepada TIGB.

Pengesahan penerimaan bayaran tuntutan oleh Pemegang Kad atau harta pusakanya dan/atau Pemegang Sijil mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah disifatkan sebagai penyelesaian penuh dan muktamad dan pelepasan liabiliti TIGB secara berkesan dan muktamad. Tiada tuntutan akan dibayar untuk sebarang kerugian atau perbelanjaan yang dibayar balik oleh atau boleh diperolehi semula daripada syarikat penerbangan atau mana-mana pihak lain.

Penamatan Takaful

Takaful Orang Yang Dilindungi hendaklah ditamatkan sekiranya salah satu daripada berikut

- (a) Orang Yang Dilindungi meninggal dunia; atau
- (b) Orang Yang Dilindungi tidak lagi merupakan Pemegang Kad Pemegang Sijil; atau
- (c) Orang Yang Dilindungi menjadi Pemegang Kad Tidak Aktif dan/atau Pemegang Kad Tunggakan; atau
- (d) penamatan Sijil, yang mana lebih awal.

Dalam apa-apa tindakan, guaman atau prosiding lain di mana TIGB mendakwa bahawa oleh sebab peruntukan-peruntukan di atas apa-apa kerugian, kemusnahan atau kerosakan tidak dilindungi oleh Takaful ini, beban untuk membuktikan kerugian, kemusnahan atau kerosakan sedemikian adalah dilindungi terletak pada Orang Yang Dilindungi.

C. CAJ KEMUDAHAN TAHUNAN

Pemegang Kad akan membayar Caj Kemudahan Tahunan ("**Caj Kemudahan Tahunan**") sebanyak RM90,000 untuk kegunaan Kad.

D. CAJ KENAIKAN HAD KREDIT SEMENTARA

Bank berhak mengenakan caj tambahan sebanyak RM24,000.00 untuk setiap Had Kredit tambahan yang diluluskan.

Walau apa pun di atas, Bank boleh mengikut budi bicaranya melepaskan atau memberikan rebat atas caj tambahan tersebut atau sebahagian daripadanya. Bank juga boleh memberikan rebat tambahan mengikut garis panduan Bank Negara Malaysia mengenai harga berperingkat.